

PENYERTAAN WANITA DIDALAM POLITIK
DIKAWASAN TUNJANG
KEDAH

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Oleh:

NO.MATRIK 20870

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

NOVEMBER 1975

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengawas saya Puan Mazidah Zakaria atas nasihat dan tunjuk ajar yang telah beliau berikan kepada saya dalam menyempurnakan latihan ilmiah ini.

Terima kasih saya juga untuk Tuan Haji Ku Idris Ku Abdullah, Encik Hamzah, Puan Hajjah Cik Nah Haji Bakar serta penduduk penduduk kampung yang telah memberi kerjasama kepada saya dalam usaha mendapatkan butir butir yang diperlukan.

Akhirnya pada semua pihak yang telah memberikan kerjasama kepada saya tidak lupa saya ucapkan terima kasih. Hasil ini saya persembahkan kepada mereka.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

No.Matrik 208700

University Malaya.

November 1975

I S I K A N D O N G A N

Muka Surat

| | |
|--|----|
| Penghargaan | 11 |
| PENDAHULUAN | 1 |
| A. Tujuan kajian dan bidang kajian secara am | 1 |
| B. Kedudukan kawasan yang dikaji dan strata responden | 5 |
| C. Cara menjalankan kajian | 7 |
| D. Masalah yang dihadapi | 9 |
| E. Pengertian konsep konsep | 10 |
| BAB I | |
| <u>LATARBELAKANG PENGLIBATAN WANITA MELAYU DIDALAM POLITIK</u> | |
| A. Di Semenanjung Malaysia Amnya | 15 |
| B. Dikawasan kajian khususnya | 20 |
| BAB II | |
| <u>LATARBELAKANG RESPONDEN BERDASARKAN:</u> | |
| A. Pelajaran | 28 |
| B. Kedudukan didalam keluarga dan masyarakat | 33 |
| C. Pengaruh siapakah yang 'dominant' didalam penglibatan responden | 36 |
| D. Kepentingan politik terhadap wanita disini | 37 |
| BAB III | |
| <u>PERANAN AHLI AHLI PERGERAKAN WANITA UMNO DITEMPAT KAJIAN</u> | |
| A. Ahli pasif | 42 |
| B. Ahli aktif | 45 |
| BAB IV | |
| <u>PENGLIBATAN WANITA SECARA LANGSUNG DIDALAM POLITIK</u> | |
| A. Semasa mesyuarat pergerakan cawangan | 53 |
| B. Menghadapi pilihanraya | 57 |
| 1. Berkempin | 58 |
| ii. Berceramah | 59 |
| iii. Dihari pembuangan undi | 60 |

| | | | |
|--------------------------|-------|-------|----|
| PENUTUP | | | 62 |
| BIBLIOGRAPHY | | | 66 |
| LAMPIRAN | | | |
| Soalselidik untuk kajian | | | 70 |



1. ...
 2. ...
 3. ...
 4. ...



Sekil: 5 batu sainci

Keterangan

- | | | | |
|--------------------|-----|-----|-----------------|
| 1. Kawasan Tunjang | --- | --- | 90 batu persegi |
| 2. Kawasan Jitra | --- | --- | 60 batu persegi |

PENDAHULUAN

Didalam bab pendahuluan ini akan penulis sentuhkan beberapa perkara yang berkaitan dengan isi kajian yang telah dilakukan. Perakara tersebut adalah seperti berikut;

- A. Tujuan kajian dan bidang kajian secara am.
 - B. Kedudukan kawasan yang dikaji dan strata responden.
 - C. Cara menjalankan kajian.
 - D. Masaalah yang dihadapi.
 - E. Pengertian konsep konsep.
- A. Tujuan kajian dan bidang kajian secara am.

Kajian ini diharap dapat menghuraikan dan memberi suatu gambaran tentang keadaan wanita yang bergiat didalam politik. Penulis akan cuba sedapat mungkin menggambarkan kebolehan dan kegigihan wanita dikawasan kajian didalam memperjuangkan politik demi untuk meninggikan status, maruah dan darjat kaum wanita. Penulis bertujuan membongkar sejujukanmanakah wanita wanita dikawasan kajian khususnya sedar tentang politik sebelum tuntutan yang mereka buat ditunaikan oleh pihak yang berkenaan. Dengan ini sekurang kurangnya dapatlah dilihat setakatmana mempunyai wanita memikul beban yang selama ini dilakukan oleh orang lelaki. Dirasakan tidak adil jikalau perjuangan mereka tidak disingkap kembali dan ditunjuk ke hadapan dalam bentuk penulisan, supaya dapat ditatapi oleh segenap lapisan masyarakat. Biar masyarakat sendiri menjadi hakim benar tidaknya wanita kita telah lama bergiat didalam politik. Sejarah telah membuktikan bahawa disamping tangan kanan menghayunkan buaian, tangan kiri sempat juga menggoncangkan dunia.

Wanita juga mempunyai hak dan suara untuk bergiat didalam politik. Penulis cuba menunjukan kenapa wanita mengambil bahagian (baik

secara aktif maupun secara tidak aktif) didalam politik. Walaupun mereka tergolong sebagai wanita kampung tentu ada sesuatu yang menyebabkan mereka bergerak didalam politik. Tentu ada sesuatu yang mereka hajati. Penglibatan mereka walaupun hanya secara sambilan sahaja, tidak 100% tertumpu kepada politik, tentulah ada kesedaran atau pengaruh dari luar. Akhirnya akan kita ketahui kejayaan yang telah mereka capai sehingga kini. Penghuraian ini akan disampaikan mengikut bab bab tertentu, yang mana penulis rasakan perlu.

Bab I

Didalam bab ini penulis cuba menggambarkan perkembangan dan penglibatan mereka didalam politik dari masa sebelum Perang Dunia II membawa kemasa kini. Didalam melihat penglibatan ini, penulis pecahkan penghuraian kepada dua tajuk kecil.

- i. Penglibatan wanita di Semenanjung Malaysia amnya.
- ii. Penglibatan wanita dikawasan kajian khususnya.

Disamping itu akan dilihat tujuan asal mereka memasuki politik. Adakah hanya untuk kepentingan diri sendiri atau untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Bab II

Didalam bab ini penulis akan menghuraikan latarbelakang responden yang telah penulis temui semasa menjalankan kajian. Latarbelakang ini akan penulis huraikan berdasarkan beberapa tajuk tajuk kecil seperti berikut;

- i. Pelajaran.
- ii. Kedudukan didalam keluarga dan masyarakat.
- iii. Pengaruh siapakah yang paling 'dominant' didalam penglibatan responden.
- iv. Kepentingan politik terhadap wanita dikawasan kajian ini.

Sadikit huraian

i. Pelajaran

Akan dilihat kepentingan pelajaran kepada mereka disamping melihat sampai setakatmana mereka mendapat pelajaran. Apakah kesannya atau bezanya diantara responden yang berpelajaran tinggi dengan responden yang berpelajaran rendah sahaja. Kemudian akan dilihat kepentingan pelajaran sebagai satu faktor yang dominant didalam membawa responden mengenal dunia politik.

ii. Kedudukan didalam keluarga dan masyarakat

Didalam bahagian ini akan dibincangkann peranan responden didalam keluarga (antara responden dengan suami atau responden dengan ibu bapa, siapakah yang selalu membuat keputusan) dan masyarakat (sumbangan responden terhadap masyarakat dan penerimaan masyarakat terhadap responden).

Didalam bahagian kedudukan didalam keluarga juga akan di terangkan peranan ibu bapa terhadap anak anak yang belum berkahwin atau anak anak yang telah bercerai.

iii. Pengaruh siapakah yang paling dominant didalam penglibatan mereka.

Penulis cuba menunjukkan siapakah yang berpengaruh atau siapakah yang memsinkan peranan didalam membawa wanita dikawasan ini kedalam bidang politik.

iv. Kepentingan politik terhadap wanita dikawasan kajian.

Penulis cuba tunjukkan apakah tanggapan mereka terhadap politik. Adakah mereka melibatkan diri kedalam pergerakan politik secara bersungguh sungguh.

Bab III

Kemudian berdasarkan latarbelakang responden ini, penulis mengalih perbincangan dengan melihatkan peranan ahli Pergerakan Wanita UMNO khususnya ditempat kajian. Untuk gambaran yang lebih jelas penulis menumpukan perhatian keatas dua bentuk ahli.

1. Ahli pasif - dipecahkan pula kepada dua bahagian kecil.

a. Ahli biasa yang membayar yuran tetapi secara menyeluruh tidak berfungsi langsung.

b. Ahli yang membayar yuran dan mengambil bahagian seperti mengundi didalam masa mesyuarat diadakan.

ii. Ahli aktif - wanita yang bergiat secara bersungguh sungguh didalam politik.

Bab IV

Bab ini merupakan lanjutan bab III. Kedua dua jenis ahli tadi mempunyai tugas masing masing. Ringkasnya didalam bab ini akan dilihat penglibatan wanita dikawasan kajian secara langsung didalam politik. Perbincangan akan dikhususkan kedalam dua kegiatan pergerakan.

1. Mesyuarat pergerakan

ii. Menghadapi pilihanraya

Kebolihan mereka didalam mengemukakan sesuatu usul dan menyelesaikan masalah dapat dilihat semada mereka menghadiri mesyuarat. Sementara kebolihan mereka mengatur dan menyediakan satu jentera pilihanraya akan dapat dilihat semasa wanita dikawasan ini menghadapi sesuatu pilihanraya.

Rumusan

Setelah meneliti penglibatan mereka didalam politik, dapatlah

dibuat satu penilaian tentang usaha wanita untuk membangunkan diri mereka didalam bidang politik. Kebolihan mereka akan menggambarkan kesungguhan mereka untuk mengambil bahagian didalam politik. Penilaian ini nanti diharap, kalau mungkin, membolihkan pihak yang berkenaan membaikinya supaya dapat wanita dikawasan kajian ini khususnya dan kawasan lain amnya bergerak dengan lebih cergas dan berkesan lagi didalam bidang politik khususnya dan bidang bidang lain demi untuk meninggikan taraf wanita dipandangan masyarakat.

B. Kedudukan kawasan yang dikaji dan strata responden.

Untuk menyajipkan kajian ini penulis telah memilihkan satu kawasan diutara negeri Kedah. Kawasan yang dimaksudkan itu ialah Kawasan **Tunjang** (lihat peta yang disediakan dibahagian lampiran). Memandangkan kawasan ini agak luas untuk dijalankan kajian dan masa yang begitu terhad, maka penulis telah memilih beberapa buah kampung sahaja sebagai mewakili kampung kampung lain yang terdapat didalam kawasan ini untuk dijalankan kajian. Antara kampung kampung yang telah dipilih (lihat peta) ialah, Kampung Tanjong, Kampung Cegar, Kampung Pulau Timbul, Kampung Raja, Kampung Guar, Kampung Tanah Rang, Kampung Gelong Rambai, Kampung Belukar, Kampung Tanjong Sena, Kampung Pulau Kecil, Kampung Manggol dan Kampung Padang Sera. Hasil dari kajian dikampung kampung ini, penulis cuba mengaitkan dengan keadaan wanita dikampung lain yang termasuk kedalam Kawasan Tunjang. Ini di sebabkan penulis berpendapat bahawa perkembangan politik dikalangan wanita dikawasan ini agak sama. Walau bagaimana pun penilaian akhir penulis serahkan kepada pembaca sekalian.

Menurut seorang responden yang ditemui (seorang yang agak tua tetapi masih bergiat didalam politik), dikawasan inilah Mula mula

tertubuhnya Pergerakan Kaum Ibu UMNO (pada tahun 1971 nama ini telah ditukarkan kepada Pergerakan Wanita UMNO. Selepas ini akan disebut Pergerakan Wanita sahaja.) Pergerakan ini adalah yang pertama dinegeri Kedah, bertempat di Pekan Padang Sera. Penubuhannya adalah secara sulit kerana pada masa itu negara dibawah pemerintahan Jepun. Menurut beliau lagi sambutan terhadap penubuhan ini agak kurang, mungkin kerana ianya ditubuh secara sukut menyebabkan wanita tidak berani menganggotainya. Lagi pun mereka takut menerima tindakan daripada pihak pemerintah Jepun. Kedinginan mereka untuk mencebur diri kedalam bidang politik begini berterusan hingga kehari ini. Beliau bersyukur kerana kesedaran politik wanita dikawasan ini telah lama ujud, hanya penyertaan mereka sahaja yang kurang.

Kawasan Tunjang merupakan satu kawasan pilihanraya negeri. Ianya terletak didalam Kawasan Parlimen Kubang Pasu Timur. Setiapkali pilihanraya diadakan pertandingan hanya dua penjuru, iaitu antara Partai Perikatan dengan Partai PAS. Sejak pilihanraya tahun 1955 hingga ketahun 1964, kerusi dikawasan ini dimonopolikan oleh calon Parti Perikatan. Tetapi pada tahun 1969 telah berlaku perubahan dimana calon Perikatan telah ditewaskan oleh calon Parti PAS. Keadaan itu berkekalan hingga sekarang apabila ujudnya Barisan Nasional. Ramai tokoh tokoh politik tanahair telah mencuba nasib mereka dikawasan ini. Antaranya ialah Datuk Senu bin Abdul Rahman (1964), Ustaz Abu Bakar bin Omar (1969), Doktor Mahathir bin Mohammed (1974) dan Saudara Kassim bin Ahmad (1974). Ini disebabkan tokoh tokoh politik tersebut berkoyakinan akan mendapat kejayaan dikawasan ini. (Note: mengikut Ahli Jawatan Kuasa Pergerakan Bahagian bilangan pengundi wanita dikawasan ini adalah lebihkurang 60%).

Kawasan ini masih lagi boleh disifatkan sebagai kawasan luarbandar. Setengah kampung masih belum dapat menikmati kemudahan kemudahan yang diberi oleh pihak kerajaan, biar pun sudah hampir 18 tahun negara mencapai kemerdekaan. Kemudahan kemudahan yang dimaksudkan ialah seperti bekalan air, api letrik dan jalanraya.

C. Cara menjalankan kajian.

Kajian ini dibuat pada dua masa yang penulis anggapan baik.

Kedua dua masa tersebut ialah;

- i. Masa berkempin untuk pilihanraya 1974
- ii. Masa cuti panjang untuk sesi 1974/75

Untuk mendapatkan butir butir yang diperlukan penulis telah menggunakan tiga cara kajian. Ketiga tiga cara tersebut ialah,

- i. Soal-selidik (Questionnaire)
- ii. Interbiu
- iii. 'Participation observation'

Soal-selidik

Soalan dikemukakan berdasarkan kepada soalan soalan yang telah disediakan (set of questionnaire) yang meliputi tiga bidang penting iaitu politik, ekonomi dan sosial. Set ini disusun dalam dua bentuk iaitu 'open ended' dan 'closed ended'.

Soal selidik ini penulis rasakan perlu untuk responden yang berpelajaran rendah, kurang pengetahuan tentang politik dan sukar memberi jawapan yang panjang yang mana memerlukan pendapat daripada mereka,

Interbiu

Disamping set soalan yang disediakan penulis juga mengadakan soalan soalan tambahan yang difikirkan perlu dan mempunyai kaitan dengan kajian ini. Soalan soalan ini diberikan semasa penulis berbual dengan

responden selepas soalan soal-selidik selesai. Soalan soalan ini juga meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial yang mana dianggap sebagai daya penggerak untuk mereka melibatkan diri kedalam bidang politik.

Interbiu ini hanya dibuat terhadap mereka yang penulis anggap kan atau rasakan sebagai perintis jalan kepada tertubuhnya Pergerakan Wanita dikawasan ini dan juga mereka yang bergiat didalam politik. Dalam interbiu ini juga penulis telah menemui beberapaorang lelaki yang mengetahui tentang pergerakan wanita didalam bidang politik.

Participant observation

Penulis sendiri telah bersama sama dengan wanita dikawasan ini semasa mereka mengadakan mesyuarat dan semasa mereka menghadapi pilihan raya tahun 1969 dan tahun 1974. Penulis juga membantu tugas mereka yang perlu disamping melihat kebolehan mereka mengaturkan sesuatu rancangan terutama dalam masa menghadapi pilihanraya. Dimasa inilah wanita di-
2
kawasan ini terlibat secara terus menerus didalam politik.

Jadi dari tiga cara menjalankan kajian, segala jawapan yang di-beri menggambarkan segakaa kegiatan yang mereka lakukan dan akan di-paparkan dalam penulisan seterusnya. Tambahan pula cara cara ini di-anggapkan sesuai dan mudah oleh penulis sendiri, kerana kajian ini di-lakukan dikawasanpenulis sendiri. Dengan ini responden tidak akan merasa takut bila soalan dikemukakan. Mereka tidak akan merasa segan atau malu dan akan merasa lebih bebas dalam memberi jawapan. Walaupun begitu ujud juga masaalah masaalah yang mana akan dibincangkan nanti dalam penulisan seterusnya.

Selain daripada tiga cara ini penulis juga melakukan 'library' research' yang mana terdapat buku buku yang mengkaji tentang pergerakan

wanita dalam bidang politik. Melalui pembacaan buku ini penulis akan mendapat gambaran yang lebih jelas lagi tentang pergerakan wanita didalam bidang politik.

D. Masaalah yang dihadapi.

Walaupun cara cara kajian diatas tadi dianggapkan baik oleh penulis, tetapi timbul juga beberapa masaalah yang dirasai sendiri oleh penulis. Kesulitan ini kadangkala membawa kepada terhentinya pengkajian yang dibuat buat beberapa waktu. Antara masaalah masaalah yang dihadapi ialah;

i. Masaalah yang penulis anggapkan besar sekali ialah semasa menjalankan interbiu dan memberi soal-selidik, responden sibok dengan kerja kerja disawah (ketika ini musim menuai). Jadi pada siang hari kajian tidak dapat dijalankan kerana responden responden yang ingin ditemui terpaksa terpaksa kesawah untuk menjalankan tugas mereka yang lebih penting. Oleh kerana itu penulis terpaksa menjalankan kerja di sebelah malam. Harus diingat selepas seharian disawah tentulah responden responden ini keletihan. Ini menyebabkan ada diantara mereka tidur awal untuk merihatkan diri bagi menghadapi hari esok yang penuh dengan tugas tugas lain. Jadi sebagai menghormati tenaga yang telah mereka keluarkan disiang hari maka penulis terpaksa menghadapi keadaan ini. Kerana itu hanya tiga atau empat orang responden sahaja yang dapat ditemui bagi satu malam.

ii. Ada soalan soalan yang tidak difahami oleh responden. Dengan ini penulis terpaksa memberi penjelasan kepada soalan soalan ini agar jawapan jawapan yang akan diberikan tidak menyimpang daré apa yang dikehendakki. Dengan ini dalam masa memberi penjelasan itu kadangkala mengujudkan 'biasness'. Disebaliknya ada soalan yang difahami oleh

mereka tetapi tidak dapat memberi atau menyusun jawapan dengan baik. Keadaan ini berkemungkinan yang responden responden ini tidak pernah menghadapi keadaan begini sebelumnya (interbiu dan soal-selidik) atau mungkin responden ini tidak biasa atau jarang mengeluarkan pendapat terhadap sesuatu masalah. Ada soalan yang menyentuh peribadi.

iii. Ada responden yang tidak atau takut untuk memberi jawapan yang tepat terutama soalan yang ada kaitan dengan soal pemerintah. Mereka takut dibawa ketengah oleh pihak yang berkuasa, andainya jawapan mereka nanti ada unsur unsur menentang kerajaan. Kerana itulah penulis terpaksa membuat pengakuan bahawa tiap tiap jawapan yang mereka beri nanti akan dirahsiakan.

iv. Responden responden yang ditemui kebanyakannya buta huruf. Penulis terpaksa menerangkan tujuan kajian dengan panjang lebar. Ini kadangkala mengambil masa yang agak lama juga.

Walaupun begitu sambutan yang diberikan oleh mereka terhadap kajian ini amat menggalakan. Jawapan jawapan yang mereka berikan penulis anggapkan sebagai kejayaan dalam kajian ini.

E. Pengertian konsep konsep.

Untuk membolehkan pembaca pembaca memahami apa yang cuba dikemukakan oleh penulis, eloklah diterangkan pendirian penulis terhadap beberapa konsep yang terdapat didalam penulisan ini yang dianggap perlu dan ada kaitan dengan tajuk kajian ini. Ada dua konsep yang difikirkan perlu diberi penjelasan didalam penulisan kajian ilmiah ini iaitu;

1. Sosialisasi politik dan

ii. Penyertaan politik

Sosialisasi politik

Sosialisasi politik disini penulis maksudkan cara bagaimana

sesaorang individu memperolihi pandangan politiknya. Biasanya dipengaruhi oleh agensi agensi sosial yang akhirnya membentuk politik itu sendiri. Agensi agensi seperti keluarga, sekolah, kawan kawan dan masmedia akan membolehkan individu itu mengenal politik dengan lebih baik lagi. Secara tidak disedari akhirnya individu itu akan melibatkan dirinya kedalam bidang politik.

Kebanyakan penulis penulis memberi pengertian yang agak sama tentang sosialisasi politik. Dannis Kavanagh (1972)³ misalnya mengatakan;

'.....the term used to described the process whereby the individual learns about and develop orientation to politics.'

Dengan ini membolehkan tiap tiap individu bertemu dan bercampur dengan lain lain orang dan bertindak balas dengan simbol dan institusi didalam masyarakat.

Sosialisasi politik ini berbeza mengikut kelas kelas sosial, jantina dan identiti ethnik. Selain dari ejensi ejensi yang telah disebutkan tadi partai politik, pekerjaan dan satu sejarah pengalaman politik individu yang mengkagumkan, mungkin akan mendorongkan individu itu bergerak cergas didalam bidang politik.

Melalui sosialisasi politik diharapkan nanti responden akan kenal dengan politik. Dengan ini dapatlah mereka melahirkan suatu penyertaan yang berkesan dalam bidang politik.

Penyertaan politik.

Setelah mengetahui apakah dia politik hasil dari pembelajaran mereka tentang politik, akan membolehkan mereka bergerak dengan lebih cergas lagi dalam bidang politik. Perpatah Melayu sendiri 'tak kenal maka tak cinta' telah membenarkan kenyataan itu. Kalau responden

telah dikenalkan dengan politik lebih awal lagi maka kesannya dimasa akan datang baik sekali.

Didalam konteks ini, penyertaan politik penulis maksudkan dengan penglibatan seseorang individu kedalam bahagian atau tingkat kegiatan didalam bidang politik. Aktivitinya bersifat sukarela, dilakukan oleh anggota masyarakat secara bersama didalam pemilihan pemerintahan (peringkat yang paling tinggi didalam kegiatan politik) dan ketua ketua cawangan atau bahagian (peringkat yang paling rendah didalam kegiatan politik) didalam satu satu pertubuhan politik.

Bagi menjelaskan apa yang dimaksudkan oleh penulis dengan penyertaan politik, diturunkan pendapat Milbrath L.W (1965)⁴ tentang konsep ini. Mengikut beliau,

'.....is often spoken of as being comulatives persons who are engage in one political action often engage in others as well.'

Didalam penyertaan politik ini penulis akan tumpukan perbincangan terhadap organisasi politik dengan melihat tingkah laku ahli ahli yang penulis bahagikan kepada dua jenis iaitu;

- i. Ahli yang aktif dan
- ii. Ahli yang pasif

Penyertaan politik ini mempunyai stimuli stimuli tertentu seperti aktiviti aktiviti politik, pertuturan atau percakapan tentang politik, event politik, masmedia dan persekitaran. Jadi dengan pengertian konsep ini diharapkan pembaca akan mengerti dan faham dimana tempat penulis berpijak didalam menghuraikan tajuk kajian ini.

Footnote.

1

'Open ended' ialah soalan yang memberi kebebasan kepada responden didalam memberi jawapannya. Jawapan tidak dihadkan, dimana responden dapat memberi pendapat mengikut fahamannya terhadap soalan yang diberi.

'Closed ended' ialah soalan yang telah pun disediakan jawapannya terlebih dahulu. Biasanya soalan begini terdapat didalam soal-solidik. Responden hanya dikehendakki memilih salah satu jawapan yang telah pun disediakan terlebih dahulu didalam kertas soalan yang diberikan kepadanya.

2

'Wanita' dalam kontek ini penulis maksudkan dengan ahli ahli yang aktif didalam Pergerakan Wanita.

3

Dennis Kavanagh, 'Political Culture', The Macmillan Press Ltd. 1972, Chapter 3, m.s 28.

4

Lester W. Milbrath, 'Political Participation - How and Why Do People Get Involved in Politics', Rond Mc Nally and Co. Chicago, 1965, Chapter 1, m.s 17.

Bibliography.

1. Dennis Kavanagh (1972) 'Political Culture', The Macmillan Press Ltd. London.
2. Lester W. Milbrath (1965) 'Political Participation - How and Why Do People Get Involved In politics', Rond Mc Nally and Co. Chicago.
3. Michel Rush and Philip Althoff (1971) 'Introduction to Political Sociology', Nelson's University, England.

Selama dilihat penglibatan wanita dikawasan ini didalam bidang politik, terlebih dahulu akan dikemukakan latarbelakang penglibatan wanita khususnya wanita Melayu didalam politik bagi Semenanjung Malaysia. Untuk itu penulis telah membahagikan karangan kepada dua keadaan penglibatan iaitu,

- A. Di Semenanjung Malaysia am nya.
- B. Dikawasan kajian khususnya.

A. Di Semenanjung Malaysia am nya.

BAB I

'LATARBELAKANG PENGLIBATAN WANITA MELAYU DIDALAM POLITIK'

- A. Di Semenanjung Malaysia Am nya.
- B. Dikawasan kajian khususnya.

Perggerakan Kaum Ibu UMNO sebagai satu parti politik yang berprestij dan berkesan telah memainkan peranan dalam menentuhkan masa depan negara. Perggerakan Kaum Ibu UMNO sebagai satu pertubuhan yang begitu berpengaruh sekali didalam lapangan politik tanahair khususnya kepada wanita wanita. Perggerakan ini tidak saja bergas didalam bidang politik, tapi juga bergas didalam bidang kemasyarakatan, pelajaran dan ekonomi.

Selepas UMNO ditubuhkan selama 3 tahun 6 bulan, pada 25hb. Ogos 1949 tertubuhkan Perggerakan Kaum Ibu UMNO. Ketua wanitanya yang pertama ialah Datin Puteh Maria. Bertitik tolak daripada tarikh itu bermulaah penglibatan wanita didalam politik secara bersungguh sungguh. Mereka turut bersama didalam demonstrasi seperti menentang pertubuhan Malayan Union dan peristakan jawatan oleh bato' dan Min' Jaafar, Yang Di Pertua UMNO ketika itu. Perggerakan Kaum Ibu UMNO juga yang mempelopori perjuangan didalam menentang hak wanita yang sebenarnya sahingga setengah negeri telah mengadakan keadaan didalam Undang Undang dan Pergerakan

Sebelum dilihat penglibatan wanita dikawasan ini didalam bidang politik, terlebih dahulu akan dihuraikan latarbelakang penglibatan wanita khususnya wanita Melayu didalam politik bagi Semenanjung Malaysia. Untuk itu penulis telah membahagikan huraian kepada dua keadaan penglibatan iaitu,

A. Di Semenanjung Malaysia am nya.

B. Dikawasan kajian khususnya.

A. Di Semenanjung Malaysia amnya.

Kejayaan Pergerakan Kaum Ibu UMNO sejauh ini bolihlah dibanggakan. Pertubuhan ini merupakan 'sayap kiri' UMNO. Kedudukannya kian tegoh dan kian kukuh, untuk bersama memainkan peranan dalam menentukan masa depan negara.

Pergerakan Kaum Ibu UMNO adalah satu pertubuhan yang begitu berpengaruh sekali didalam lapangan politik tanahair khususnya kepada wanita wanita. Pergerakan ini tidak saja cergas didalam bidang politik, tapi juga cergas didalam bidang kemasyarakatan, pelajaran dan ekonomi.

Selepas UMNO diwujudkan selama 3 tahun & bulan, pada 25hb. Ogos 1949 tertubuhlah Pergerakan Kaum Ibu UMNO. Ketua wanitanya yang pertama ialah Datin Puteh Maria. Bertitik tolak daripada tarikh itu bermulalah penglibatan wanita didalam politik secara bersungguh sungguh. Mereka turut bersama didalam demonstrasi seperti menentang pertubuhan Malayan Union dan perletakan jawatan oleh Dato' Onn bin Jaafar, Yang Di Pertua UMNO ketika itu. Pergerakan Kaum Ibu UMNO juga yang mempelupori perjuangan didalam menuntut hak wanita yang sebenarnya sehingga setengah negeri telah mengadakan pindaan didalam Undang Undang dan Peraturan

Nikah dan Cerai serta mengadakan Pegawai **Kebajikan Wanita** di Jabatan Ugama. Perlaksanaan ini sudah terdapat **dinegeri** seperti Kedah, Johor, Trengganu dan Perak. Dengan perjuangan dari **Pergerakan Kaum Ibu UMNO** maka kerajaan telah melaksanakan cadangan memudahkan isteri isteri dan anak anak memperolihi nafkah mereka dari bekas suami atau bapa anak itu yang telah berpisah dengan isterinya. Jadi dengan kejayaan ini dapat dibuat ukuran tentang kebolehan mereka berpolitik.

Selepas **Datin Puteh Maria** mengundur diri dari arena politik tempat beliau telah dipenuhi oleh **Ibu Hajjah Zain** sebagai ketua. Beliau adalah seorang tokoh wanita dari negeri Johor. Beliau mengetuai **Pergerakan Kaum Ibu UMNO** selama 3 tahun (1950-1953). Kemudian **Pergerakan Kaum Ibu UMNO** dipimpin pula oleh **Puan Khadijah Sidek**, juga seorang pemimpin dari Johor. Beliau dianggap sebagai seorang jaguh pidato wanita yang paling terkemuka ditanahair. Ucapan beliau dapat membangkitkan perasaan dan semangat setiap wanita untuk terus berjuang.

Kejayaan demi kejayaan dicapai hinggalah kepada pimpinan **Tan Sri Fatimah Hashim**, yang dianggap oleh setengah orang sebagai pemimpin teragung **Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia**. Di bawah pimpinan beliau pergerakan ini mencapai beberapa kejayaan yang membanggakan. Garis garis kasar kejayaan yang diperolihi adalah seperti berikut.

1. Mendapatkan ahli ahli menduduki Dewan Parlimen, Dewan Negeri dan Dewan Negara, iaitu 3 ahli parlimen, 7 ahli Dewan Negeri dan 2 ahli Dewan Negara. (Note: kedudukan sehingga tahun 1971).
2. Pada tahun 1959-1960 mengutuk dasar Apartheid Afrika Selatan.
3. Pada tahun 1962 menghantar satu bantahan ke Bangsa2 Bersatu kerana mengutuk ujian nuklier.
4. Mendapatkan ahli ahlinya menjadi wakil ke Bangsa2 Bersatu, dimana **Puan Aishah Ghani**

kemudiannya telah dilantik menjadi ahli suruhanjaya Bangsa2 Bersatu tentang hak hak dan taraf wanita.

5. Pada tahun 1964 menghantarkan kueh kepada 4,200 perajurit dan 300 Angkatan Bersenjata dan Polis ketika konfrantasi sedang memuncak. Amalan ini masih berjalan hingga sekarang.
6. Pada tahun 1966 dan 1967 memberi bantuan wang dan tenaga, ketika banjir besar melanda Pantai Timor.
7. Pada tahun 1967 membuat tuntutan gaji sama untuk pekerja pekerja wanita.
8. Pada tahun 1968 berusaha mendapatkan saraannafkah dan cerai kepada wanita wanita yang dicerai oleh suaminya.
9. Pada 13 Mei 1969 memberi khidmat tenaga kepada kerajaan dengan menjalankan kerja kerja bersama sama pihak kerajaan dalam memberikan bantuan makanan kekawasan kawasan berkurung disekitar ibu kota. 2.

Dengan kejayaan kejayaan diatas jelas kelihatan sebahagian dari matlamat yang dicitakan oleh pergerakan ini selama lebih kurang 25 tahun sudah menjadi kenyataan.

Nama Pergerakan Kaum Ibu UMNO telah ditukarkan kepada Pergerakan Wanita UMNO pada tahun 1971. Sejak pertukaran ini bilangan wanita yang bergiat didalam politik dan bilangan ahli wanita telah bertambah dengan banyak sekali. Keadaan ini amat jelas sekali. Bilangan ahli yang berumur dari 16 tahun hingga 25 tahun telah meningkat dari 40% hingga 62%. Kajian ini telah dibuat oleh Pejabat Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Dianggap pertambahan 22% ini amat baik terhadap kedudukan politik negara. Kesedaran dalam politik ini membolehkan segala rancangan kerajaan dijalankan dengan lancar. Pertambahan ini juga dianggap sebagai akibat dari pertukaran nama pergerakan dan kejayaan Wanita UMNO yang begitu banyak.

Oleh kerana Wanita UMNO banyak melahirkan tokoh tokoh wanita, maka untuk untuk menggantikan pemimpin yang telah lanjut umur, pihak

Ahli Jawatan Kuasa Tertinggi UMNO khususnya **telah** mencadangkan ber
 bagi cara kepada Pergerakan Wanita UMNO **bagi** mengisi kekosongan ini.
 Sebagai menyambut seruan ini Pergerakan Wanita UMNO telah menghantar
 beberapa orang anggotanya untuk menyertai beberapa kegiatan seperti;

i. Kursus Latihan Pemimpin.

ii. Bengkel Pentadbiran Pertubuhan Sukarela.

Ini bertujuan untuk melengkapkan diri ahli ahli pergerakan
 dengan semangat dan kebolehan memimpin.

Bagi Pergerakan Wanita UMNO Perhubungan di tiap tiap negeri
 telah menjalankan berbagai bagai usaha untuk menggerakkan bahagian
 bahagian didalam negeri masing masing. Antara kegiatan yang telah dan
 biasa dijalankan ialah;

i. menubuhkan Syarikat Serbaguna Wanita UMNO.

ii. mengadakan Kursus kursus Pentadbiran bagi melatih bakal
 bakal pemimpin.

iii berusaha mencari wang untuk menolong membantu anak anak
 ahli yang miskin bagi meneruskan pelajaran mereka.

Kegiatan dan aktiviti mereka jelas terdapat didalam minit
 mesyuarat yang dihantar ke Ibu Pejabat UMNO, dimana 70% daripada
 bahagian telah melakukan nya dengan bersungguh sungguh untuk ke-
 pentingan ahli ahli.

Kejayaan perjuangan Pergerakan Wanita UMNO makin bertambah.
 Sekarang timbul pula pemimpin baru yang lebih didikasi iaitu
 Puan Hajjah Aishah Ghani. Beliau menggantikan tempat Tan Sri Fatimah
 yang telah bersara dari bidang politik atas alasan tertentu. Per-
 alihan kuasa begini menyebabkan ujud kematangan pimpinan didalam
 Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Dengan kematangan berfikir begini

wakil wakil wanita UMNO dapat ditempatkan disemua peringkat. Hasilnya segala hasrat wanita keseluruhannya dapat disuarakan dan banyak hasil yang menguntungkan bukan saja masyarakat wanita UMNO bahkan juga negara.

Hasil dari kegigihan berjuang akibat dari kemarahan terhadap penubuhan Malayan Union, berdemonstrasi meminta agar Dato' Onn tidak meletak jawatannya, menyebabkan wanita ditanahair telah kenal dengan politik secara bersungguh sungguh. Penglibatan mereka didalam politik terus berkembang hingga kemasa ini.

Semasa menghadapi pilihanraya pun mereka berganding bahu bersama dengan Pergerakan Pemuda UMNO. Mereka juga turut berkempin, berceramah dan menjalankan tugas yang termampu dilakukan oleh mereka. Mereka menubuh sendiri Ahli Jawatan Kuasa Pilihanraya di tiap tiap bahagian untuk melicinkan lagi suasana berkempin.

Disamping itu bilangan calon wanita yang bertanding baik di peringkat negeri maupun di peringkat parlimen bertambah bagi tiap kali negara menghadapi pilihanraya. Perkembangan begini memberi satu alamat baik terhadap politik negara dimasa akan datang. Tidak akan menjadi suatu perkara yang mustahik kalau disatu masa nanti Malaysia mempunyai Perdana Menteri Wanita seperti yang terdapat di India, Republik Sri Lanka dan Argentina.

Jadi Pergerakan Wanita UMNO khususnya adalah sebagai penggerak kepada usaha untuk memperbanyakkan wanita didalam bidang politik. Mungkin agak tidak keterlaluan kalau dikatakan bertambah atau berkurangnya wanita didalam bidang politik bergantung besar kepada hidup atau matinya Pergerakan Wanita UMNO. Ini disebabkan selama ini Pergerakan Wanita UMNO lah yang paling dikenali umum berbanding dengan

pergerakan lain yang terdapat dinegara ini. Kemampuan yang ditunjukkan oleh Pergerakan Wanita UMNO patut dibanggakan oleh wanita wanita sekalian.

B. Dikawasan kajian khususnya.

Semangat untuk bergiat didalam bidang politik bermula sejak sebelum merdeka lagi. Namun begitu mereka yang bergiat didalam politik masih berkurang lagi. Alasan utama yang mereka beri adalah wanita disini buta huruf dan kebanyakan daripada mereka mempunyai asas pelajaran yang rendah.

Keinginan untuk berpolitik memuncak bila soal menuntut kemerdekaan dipersoalkan. Wanita dikawasan ini sudah merasa apakah sumbangan yang harus mereka berikan. Menurut seorang responden, mereka telah menjalankan kutipan derma untuk membantu perbelanjaan wakil negara ke-Britain. Kata beliau, derma tersebut berjumlah hampir \$300.00 dan merupakan salah satu derma yang terbanyak bagi semua pertubuhan yang terdapat dinegeri Kedah.

Kutipan ini merupakan satu langkah mereka yang pertama terhadap menubuhkan satu pergerakan wanita. Selesai sahaja kutipan dibuat, mereka telah maju setapak lagi. Wanita yang berpengaruh didalam masyarakat telah mengambil inisiatif yang utama iaitu mereka telah menubuhkan Pergerakan Kaum Ibu yang mana menurut mereka merupakan satu pertubuhan yang terawal dikalangan wanita dinegara ini, Pergerakan Kaum Ibu UMNO ini ditubuhkan disatu tempat iaitu Padang Sera, Kedah. Penubuhan ini adalah secara tidak resmi pada mulanya. Ahli yang menganggotainya adalah seramai 150 orang.

Bertitik tolak dari penubuhan ini, apabila UMNO Daerah Kubang Pasu ditubuhkan pada 11hb. Ogos 1961, berkembanglah cawangan Pergerakan

Kaum Ibu UMNO dimerata tempat. Pada masa itu membawa kemasa kini yang jelas terdapat hanya Pergerakan Wanita UMNO sahaja (nama ini diguna bila berlaku pertukaran nama pada tahun 1971). Pertubuhan wanita dari partai politik yang lain tidak wujud langsung. Kalau ada pun hanya pada namanya sahaja. Tidak ada pertubuhan yang resmi seperti Pergerakan Wanita UMNO. Jelas nampak mereka bersatu ditempat tempat yang tidak formal seperti ditempat khenduri. Selain dari itu mereka hanya memberi sokongan moral sahaja.

Elok juga kalau ditinjau satu usaha yang terawal dilakukan oleh wanita disini dalam mencari ahli bagi menganggotai pergerakan mereka. Mereka telah menjalankan kempin dari rumah kerumah (house to house campaign). Menurut seorang responden yang telah masak dengan kegiatan begini, beliau telah bersama bapanya (ketika ini beliau masih terlalu muda untuk terlibat diri dengan politik), mula mula secara bersuka suka tetapi akhirnya telah turut sama berkempin untuk mempengaruhi golongan wanita. Beliau terpaksa membawa bekalan makanan dan air minuman (air dikawasan yang beliau pergi tidak dapat diminum kerana disahkan oleh Kementerian Kesihatan mengandungi kuman taun). Dari pagi hingga kepetang barulah tugas beliau selesai. Kadang kadang kalau tempat itu jauh beliau terpaksa bermalam disana. Kegigihan beliau ini akhirnya telah membuahkan kejayaan. Ramai ahli yang telah diperolehi. Sekarang beliau telah melihat sendiri kejayaan usaha yang dijalankan oleh beliau dahulu. Beliau kini merupakan salah seorang orang kuat didalam Pergerakan Wanita UMNO di Daerah Kubang Pasu.

Antara tokoh tokoh yang bersama sama dengan beliau menubuhkan dan menggerakkan Pergerakan Wanita UMNO ialah,

Kawasan SIPUTEH

- i. Cik Bermi Jaafar
- ii. Cik Rafeah Ismail (responden yang menceritakan kisah disebelah).

Kawasan Jitra

- i. Puan Hajjah Azizah Haji Taib

Kawasan Kodiang

- i. Cik Safeah Kadir
- ii. Cik Yah (?)
- iii. Cik Teh (?)

Lebih elok kalau diterangkan sedikit daripada latar belakang tokoh tokoh ini. Penulis hanya dapat memberi latarbelakang secara ringkas untuk dua orang tokoh sahaja disebabkan tokoh tokoh lain tidak dapat ditemui disebabkan ada diantara mereka telah berpindah ketempat lain.

Latarbelakang Cik Rafeah Ismail.

Beliau adalah anak didalam keluarga yang bolih dikatakan berpengaruh dikawasan itu. Bapa beliau adalah seorang tokoh politik tempatan. Oleh kerana beliau selalu mengikuti bapanya semasa berkempin dari rumah kerumah, maka keinginan untuk berpolitik telah timbul didalam jiwa beliau.

Beliau hanya mendapat pendidikan sekolah agama dan sekolah rendah setakat darjah empat. Namun begitu asas pelajaran yang rendah begini tidak menghalang beliau untuk bergerak didalam politik. Pada peringkat permulaannya beliau mendapat tentangan daripada kedua ibu dan bapanya. Ini disebabkan, menurut beliau, mereka berpendapat wanita hanya layak berada didapor sahaja. Tetapi akhirnya disebabkan kemahuan

beliau yang mendalam beliau telah mendapat dorongan daripada bapanya. Beliau telak bergerak didalam pertubuhan ini lebihkurang 30 tahun. Sekarang beliau merupakan salah seorang Ahli Jawatan Kuasa Bahagian.

Latarbelakang Puan Hajjah Azizah Haji Taib.

Beliau juga seperti Cik Rafeah iaitu anak seorang tokoh politik dikawasan ini. Baba beliau juga dahulunya bergiat didalam politik. Beliau mendapat didikan sekolah Melayu dan sedikit dari sekolah Arab. Keluarga beliau tergolong didalam keluarga orang yang berada dan berpengaruh dikawasan ini. Didikan yang beliau dapat membolehkan beliau bergerak didalam politik dari sejak usia yang masih muda lagi.

Beliau telah berumah tangga dengan seorang guru yang juga merupakan seorang tokoh politik. Beliau senantiasa mendapat galakan daripada suaminya untuk terus bergiat didalam politik. Beliau adalah Ketua Pergerakan Wanita UMNO Daerah Kubang Pasu Timor. Untuk masa ini beliau bertugas didalam satu pejabat kerajaan di Jitra.

Walaupun usaha wanita dahulu gigih tetapi mereka kurang agresif seperti sekarang. Ini disebabkan politik melibatkan banyak bidang lain. Mereka terpaksa mementingkan tugas harian mereka yang lebih penting seperti bersawah dan kerja kerja lain untuk kepentingan keluarga. Berbeda dengan keadaan sekarang, oleh kerana politik banyak melibatkan b bidang bidang lain, makin ramai wanita bergiat didalamnya terutama wanita yang berkerja dan mempunyai pandangan yang luas didalam politik.

Selain dari alasan buta huruf yang menyebabkan mereka kurang bergiat didalam politik dan alasan tugas lain lebih penting lagi, dapat dilihat satu lagi alasan. Alasan ini diberi sendiri oleh responden yang telah ditemui. Menurut mereka orang orang kampung di

kawasan ini menganggap politik sebagai 'politik kebendaan'. Apabila mereka menjadi ahli mana mana pertubuhan politik, mereka ingin melihat hasil dari politik itu sendiri. Kalau wakil mereka menang mereka akan membuat berbagai tuntutan. Kata mereka sebagai ganjaran pertolongan yang telah mereka berikan. Ada setengah daripada permintaan mereka tidak dapat ditunaikan atas beberapa sebab. Ada permintaan mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan. Permintaan yang tidak dapat ditunaikan menyebabkan mereka tawar hati untuk menjadi ahli pergerakan seterusnya. 'Tidak berfaedah' kata mereka. Mereka menganggap aktiviti itu membuang masa saja. Mereka berpendapat kalau masa itu digunakan untuk membuat kerja lain mungkin lebih berfaedah. Kerana itu ada diantara mereka membuat keputusan tidak mahu menyertai politik.

Sekarang pergerakan mereka bertukar corak. Wanita dikawasan ini lebih agresif lagi. Ini disebabkan ramai daripada ahli terdiri daripada wanita yang berpolajaran. Satu usaha yang baik dari Pergerakan Wanita UMNO disini ialah menubuhkan satu Syarikat Kerjasama. Modalnya adalah dari ahli ahli sendiri. Syarikat ini merupakan satu 'kedai' yang menjalankan khidmat untuk orang ramai dikawasan ini. Kadang kadang syarikat ini memberi pinjaman wang kepada ahli yang didalam kesusahan. Syarikat ini merupakan satu syarikat usaha wanita sendiri tanpa bantuan daripada pihak kerajaan.

Selain daripada itu terdapat juga kelas jahit menjahit dan 'kumpulan bunga telur'.³ Kedua dua kegiatan ini merupakan cara cara untuk mempengaruhi wanita untuk menjadi ahli pergerakan. Kebanyakan yang terlibat didalam aktiviti ini adalah golongan muda, yang baru ingin mengenali politik secara mendalam. Jadi se

Jadi sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa wanita di-kawasan ini sudah agak lama mengenali politik dan turut serta mem-beri sumbangan yang terdaya oleh mereka dalam usaha mencapai kemer-dekaan dan melaksanakan projek projek kerajaan. Tetapi apabila tidak ada kegiatan yang tertentu (seperti menuntut kemerdekaan dahulu), penglibatan wanita wanita ini menjadi kurang. Dalam pada itu pun ter-dapat pemimpin yang lebih tegas dan ada rancangan yang konkrit yang sudah dijalankan. Wanita dikawasan ini akan melibatkan diri mereka dengan lebih cergas semula seperti yang telah dibuktikan dari penubuhan kedai syarikat kerjasama itu.

Terdapat satu bentuk (pattern) perkembangan kegiatan mereka. Perkembangan itu dapat ditunjukkan seperti berikut.

SEBELUM MERDEKA

- tubuh Kaum Ibu secara sulit.
- kempin dari rumah kerumah.
- bantuan wang untuk mencapai kemerdekaan.

SELEPAS MERDEKA

- kegiatan berkurangan kerana ada tokoh yang selama ini menjadi nadi penggerak telah bersara hanya masih ada beberapa orang saja. Masa ini juga timbul falsafah politik kebendaan.

MASA KINI

- kegiatan bertambah banyak dengan adanya tokoh tokoh yang muda dan berpelajaran.
- mengadakan kelas jahit menjahit dan masak memasak.
- menubuh syarikat kerjasama dan lain lain.

Footnote

1 Sejarah perkembangan ini penulis petik dari beberapa artikel yang terdapat didalam buku 'Jublee Perak UMNO Malaysia - 25 Tahun Dalam Kenangan,' Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Bhd. Kuala Lumpur, 1971

2 'Jublee Perak UMNO Malaysia - 25 Tahun Dalam Kenangan,', Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Bhd. Kuala Lumpur, 1971, m.s 50

3 Kumpulan bunga telur ini hanya ujud disabuh kampong sahaja iaitu Kampong Tanjong. Perjalanan kumpulan ini adalah seperti berikut.

Semua ahli terdiri dari Pergerakan Wanita UMNO Cawangan kampong ini. Tiap ahli dikehendakki membayar 50 sen. Kumpulan ini hanya berfungsi pada masa diadakan kenduri dirumah ahli. Ahli yang mengadakan kenduri bolih mendapatkan bunga telur secara percuma atau kalau tidak mahu bunga telur bolih pula mengambil wang tunai.

Cara ini menarik ramai minat wanita untuk menyertainya. Jadi dengan secara tidak disedari pergerakan wanita dikawasan ini telah berjaya menambahkan lagi bilangan ahli Pergerakan Wanita UMNO.

Bibliography

1. 'Jublee Perak UMNO Malaysia - 25 Tahun Dalam Kenangan,' Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Bhd. Kuala Lumpur, 1971.
2. 'Pergerakan Wanita UMNO Malaysia - Penyata 1971/72, Percetakan Abadi, K.L 1972

Hampir semua responden yang diteliti tinggal di kawasan luar bandar. Hal ini menunjukkan lagi berpindah ke kawasan bandar, biasanya mereka yang baru selesai pendidikan mereka dan ditinjau kepada asal mereka mereka dahulu sebelum mereka beranak. Kerana itu banyak perubahan yang baru tidak begitu banyak di kawasan mereka. Hanya sebilangan kecil sahaja yang ada perubahan yang sedang berlaku di sekitar mereka. Untuk melihat keadaan ini dikalangan mereka, oleh kerana ditinjau dalam kalangan responden.

BAB II

'LATARBELAKANG RESPONDEN' berdasarkan:

- A. Pelajaran A. Pelajaran.
- B. Kedudukan B. Kedudukan didalam keluarga dan masyarakat.
- C. Pengaruh C. Pengaruh siapakah yang 'dominant didalam responden, penglibatan responden.
- D. Kepentingan D. Kepentingan politik terhadap wanita dikawasan ini.

A. Pelajaran responden

Perkembangan persekolahan didalam kawasan ini sudah berlaku sejak awal lagi iaitu sejak sebelum mereka lagi. Mengingat responden yang berumur lebih dari 50 tahun, pada masa mereka masih kecil mereka pelajar yang kurang dipentingkan. Kebanyakan daripada mereka anak-anak di bandar kecil, dimana mereka pada keseluruhannya diajar dengan soal-soal agama yang berkaitan dengan dosa dan pahala, syurga dan neraka. Oleh kerana itu perkembangan pemikiran mereka amat terbatas, hanya pada soal-soal agama dan akhirat. Sementara pelajaran mereka (pelajaran yang biasa dipelajari disekolah) hanya diperingkat rendah.

Hampir semua responden yang ditemui tinggal dikawasan luar-bandar.¹ Adat resam masih lagi berperanan didalam kehidupan mereka. Biasanya sesuatu yang baru meresapi kedalam hidup mereka akan ditinjau kepada adat resam mereka dahulu sebelum mereka terima. Kerana itu banyak perubahan yang baru tidak begitu menarik minat mereka. Hanya sebilangan kecil sahaja yang mahu mengerti dengan perubahan yang sedang berlaku disekitar mereka. Untuk melihat keadaan ini dikalangan mereka, elok kalau ditinjau latarbelakang responden yang telah ditemui. Tinjauan ini dibuat berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti berikut;

- A. Pelajaran.
- B. Kedudukan responden didalam keluarga dan masyarakat.
- C. Pengaruh siapakah yang 'dominant' didalam penglibatan responden.
- D. Kepentingan politik terhadap wanita dikawasan ini.

A. Pelajaran responden.

Perkembangan persekolahan didalam kawasan ini sudah bermula sejak awal lagi iaitu sejak sebelum merdeka lagi. Mengikut responden yang berumur lebih dari 50 tahun, pada masa mereka masih kanak kanak pelajaran kurang dipentingkan. Kebanyakan dapipada anak anak dihantar kesekolah pondok, dimana mereka pada keseluruhannya diajar dengan soal soal agama yang berkaitan dengan dosa dan pahala, syurga dan neraka. Olih kerana itu perkembangan pemikiran mereka amat terbatas, hanya pada soal soal agama dan akhirat. Sementara pelajaran dunia (pelajaran yang biasa dipelajari disekolah) hanya diperingkat rendah.

Keadaan ini dapat dilihat dari data yang diberikan dibawah.

Rajah I PERINGKAT PELAJARAN YANG DITERIMA
OLIH RESPONDEN.

| Bil. | Asas pelajaran | Bilangan | Peratus |
|------|-----------------------------|----------|---------|
| i | Sekolah pondok | 27 | 33.75 |
| ii | Darjah empat | 40 | 50.00 |
| iii | Darjah enam | 12 | 15.00 |
| iv | Sijil Pelajaran Malaysia | 1 | 1.25 |
| | Jumlah | 80 | 100% |

Dari 80 orang responden yang ditemui 40 orang (50%) daripada mereka hanya sempat menamatkan pelajaran setakat darjah empat sahaja. Manakala 12 orang (15%) lagi hanya setakat darjah enam. Sementara 27 orang (33.75%) memasuki sekolah pondok. Hanya seorang responden sahaja yang sempat sampai keperingkat Sijil Pelajaran Malaysia. Ketiga tiga peringkat persekolahan (sekolah pondok, darjah empat dan darjah enam) rendah ini tidak cukup untuk mengenalkan responden dengan politik, kecuali responden itu mempunyai latarbelakang keluarga yang tergolong dalam ahli politik. Anak anak dikawasan ini pada masa itu (khususnya wanita) tidak sempat menamatkan pelajaran mereka kerana kemiskinan ibu bapa mereka. Inilah alasan yang diberi oleh kebanyakan daripada responden. Tetapi kalau ditinjau pendapat ibu bapa yang memberi kesempatan kepada anaknya untuk belajar hingga ke sekolah menengah, mereka menafikan masalah kemiskinan yang menyekat pelajaran anak anak. Mereka sebaliknya memberi dua faktor utama mengapa separoh daripada responden tidak berjaya menamatkan persekolahan

mereka.

- i. Berkahwin terlalu awal - samaada didesak oleh ibu bapa atau atas kemahuan sendiri. Usia mereka semasa berkahwin amat muda sekali.
- ii. Tidak ada kesedaran dikalangan ibu bapa tentang betapa pentingnya pelajaran didalam menjamin masa depan anak anak mereka.

Untuk membuktikan sebab yang pertama penulis telah meninjau keadaan ini dikalangan responden. Hasilnya adalah seperti berikut.

Rajah II TINGKAT UMOR SEMASA BERKAHWIN.

| Bil | Jarak umur | Bilangan | Peratus |
|------|---------------|----------|---------|
| i. | 13th - 15th | 36 | 45.0 |
| ii. | 16th - 18th | 24 | 30.0 |
| iii. | 19th - 23th | 14 | 17.5 |
| iv. | 23tahun lebih | 6 | 7.5 |
| | Jumlah | 80 | 100% |

Dari data ini jelas menampakkan kebenaran alasan tersebut.

Seramai 36 orang (45%) daripada responden berkahwin dalam jangka umur yang begitu muda iaitu antara 13tahun ke 15tahun. Sementara 60 orang (75%) berkahwin dibawah umur 18 tahun. Dengan ini mereka tidak sempat menamatkan persekolahan terutamanya mereka yang berkahwin dibawah umur 15 tahun. Alasan ini juga tidak konkrit kalau hanya dilihat sekali pandang. Disamping wanita ini berkahwin awal mereka juga tergolong dalam golongan keluarga yang tidak berada. Paduan dua sebab inilah yang menjadi satu alasan yang konkrit mengapa mereka tidak sempat menghabiskan pelajaran mereka.

Dari sebab yang telah diberikan dapatlah dibuat kesimpulan bahawa peringkat kesedaran terhadap pentingnya pelajaran terlalu rendah ketika itu. Situasi pelajaran yang mereka terima begini menyebabkan alam pemikiran mereka terhad. Mereka jarang malah tidak suka membincangkan perkara perkara yang diluar dari kejadian hari hari. Dengan ini telah dibuktikan bahawa pelajaran memang memberi kesan terhadap kesedaran untuk mengambil bahagian didalam politik, malahan mengikut L.W Milbrath (1965);²

'.....person who lack education and sophistication about politics tend to shut out political stimuli.'

Untuk pengertian yang lebih mendalam tentang pelajaran, Almond dan Verba (1963)³ telah menunjukkan beberapa kepentingan pelajaran dan kaitannya dengan politik. Kepentingan ini dapat disina-raikan seperti berikut.

- i. the more educated person is more aware of the impact of government on the individual than is the person of less education. (chapter 3)
- ii. the more educated individual is more likely to report that he follows politics and pays attention to election campaigns than is the individual of less education. (chapter 3)
- iii. the more educated individual has more political information. (chapter 3)
- iv. the more educated individual has opinion on a wider range of political subjects; the focus of his attention to politics is wider. (chapter 3)
- v. the more educated individual is more likely to engage in political discussion. (chapter 4)⁴

Dengan bukti bukti ini, pelajaran anak anak adalah penting untuk mengenalkan mereka dengan politik maupun bidang lain seperti ekonomi dan sosial.

Hashimah Roose (1963)⁴ berpendapat bahawa wanita Melayu memang seharusnya bebas bergerak. Mereka sewajarnya dibenarkan bersekolah

hingga ke peringkat yang termampu oleh mereka. (Note; termampu disini penulis maksudkan dengan kebolehan).

Selain daripada sebab sebab tadi terdapat lagi dua sebab mengapa anak anak tidak dihantar belajar hingga ke peringkat tinggi.

i. Takut melanggar adat yang sedia ada, dimana sebelum ini tidak ada wanita yang berbuat demikian. Ibu bapa takut menerima hukuman (sanction) seperti pemhinaan dari masyarakat. Ibu bapa masih menganggap tempat yang paling baik bagi wanita ialah didapur.

Ini merupakan satu diskriminasi terhadap wanita kerana anak lelaki diberi kesempatan belajar hingga ke peringkat tinggi. Sebagai akibat dari tanggapan begini wanita dimasa itu telah menjadi korban 'biar mati anak jangan mati adat'.

ii. Prasangka terhadap wanita yang bersekolah Inggeris. Prasangka ini memuncak dipertengahan tahun 1920an. Wanita yang bersekolah Inggeris (bahkan lelaki juga), akan dianggap sebagai golongan yang murtad. Masyarakat menganggap golongan ini telah dipengaruhi dengan ajaran Kristian. Ini mungkin disebabkan disekolah Inggeris ketika itu kebanyakan nya terdiri dari padri padri dan mubaligh mubaligh Kristian. Sekolah Inggeris pada malanya merupakan sekolah sekolah mubaligh Kristian dengan tujuan memperkembangkan agama Kristian. Kerana itulah ibu bapa pada masa itu tidak langsung menghantar anak anak mereka kesekolah Inggeris.

Makin tinggi sesaorang itu belajar makin bertambah pengetahuannya didalam semua bidang termasuk politik. Oleh itu melihat kepada rendahnya asas pelajaran yang diterima oleh responden dikawasan ini maka tidak dapat dinafikan bahawa pandangan dan pengetahuan mereka tentang politik amat kurang sekali. Maka tidak hairanlah kalau darjah

pengetahuan mereka didalam politik rendah. Yang ada hanyalah inisiatif dari mereka sendiri. Kesimpulan ini dibuat berdasarkan rendahnya taraf pelajaran yang diterima oleh responden yang ditemui.

B. Kedudukan responden didalam keluarga dan masyarakat.

Kebanyakan daripada responden menyerah segala keputusan didalam rumahtangga kepada suami kecuali didalam urusan rumahtangga (urusan dapur) dan keputusan yang berkaitan dengan peribadi responden sendiri. Dengan lain perkataan, mereka kadangkala memainkan juga peranan didalam perkara yang mereka rasa perlu berbuat demikian.

Kesemua responden yang ditemui telah pun berumahtangga dan telah pindah tinggal dirumah sendiri. Segala keputusan tidak lagi ada campur tangan dari ibu bapa, kecuali didalam perkara perkara yang besar, rumit dan memerlukan pendapat ibu bapa.

Ada dua kemungkinan mengapa mereka menyerah kuasa membuat keputusan kepada suami didalam kebanyakan hal.

i. Mereka mempunyai asas pelajaran yang rendah (majoriti dari responden). Dengan ini menyebabkan daya atau kuasa pemikiran mereka rendah didalam membuat keputusan. Perkara ini telah ditunjukkan buktinya didalam masa membincang kepentingan pelajaran sebelum ini.

ii. Mereka beranggapan bahawa suami adalah merupakan puncak segala kuasa dan authority (kuatkuasa) didalam keluarga. Kerana itu suami mempunyai hak yang lebih didalam membuat keputusan. Kenyataan ini sudah tidak mempunyai kebenaran lagi pada masa sekarang dimana suami dan isteri mempunyai hak dan kuasa yang sama dalam semua hal.

Hak mereka membuat keputusan dapat ditinjau didalam tiga bidang penting iaitu;

a. Perbelanjaan didalam rumahtangga.

b. Politik.

c. Sosial.

a. Perbelanjaan didalam rumahtangga.

Didalam menentukan perbelanjaan rumahtangga responden yang selalunya membuat keputusan. Ini disebabkan mereka lebih mengetahui didalam soal ini. Mereka yang menjalankan tugas harian ini. Apabila ditinjau pendapat mereka, 70 orang (87.5%) menyatakan soal perbelanjaan rumahtangga terletak ditangan mereka. Suami mereka hanya memberikan wang perbelanjaan sahaja. 8 orang (10%) tidak dapat membuat keputusan sendiri. Kerana itu keputusan diambil bersama didalam menentukan apa yang hendak dibelikan. Seorang responden (1.25%) menyerah bulat bulat tugas ini kepada suaminya. Sementara seorang lagi responden membuat sendiri segala keputusan yang bersangkutan dengan rumahtangga. Ini disebabkan beliau telah kematian suami.

b. Politik.

Didalam soal politik kebanyakan daripada mereka memilih partai politik mengikut pilihan suami. Dari 80 orang responden, 75 orang (93.75%) menurut suami mereka memilih partai dan calon yang ingin mereka undi didalam pilihanraya nanti.. Hanya 5 orang (6.25%) yang memilih sendiri partai politik dan calon yang mereka suka.

Setengah daripada mereka senang dipengaruhi. Oleh kerana mereka selalu bergaul dengan kawan kawan sakerja, selalu berbual maka mereka kadang kadang menukar pendirian terhadap partai yang selama ini mereka dokongi. Ada yang sampai dua tiga kali menukarkan partai politik. Mereka sendiri mengakui apabila penulis meminta pandangan mereka dalam soal ini.

c. Sosial.

Sosial disini penulis maksudkan dengan kerja kerja kebajikan didalam masyarakat dan perjumpaan yang biasa diadakan didalam masyarakat. Dalam menyertai kegiatan begini kebanyakan daripada mereka mengambil keputusan sendiri. Ini disebabkan kegiatan begini hanya mempunyai kaitan dengan wanita. Suami mereka tidak akan melarang mengikut kata mereka. Dengan menyertai kegiatan begini mereka akan mempunyai pandangan yang lebih luas lagi dan akan melatih mereka bercakap dan mengeluarkan pendapat.

Perjumpaan yang biasa diadakan ialah kelas masak memasak, kelas jahit menjahit, kelas sibik, kenduri, kematian dan sebagainya. Terdapat dua bentuk kehadiran didalam perjumpaan begini.

c.i Kelas masak memasak, kelas jahit menjahit dan kelas sibik ramai dihadiri oleh anak anak gadis dan wanita dalam lingkungan umur 23 - 30 tahun. Kelas kelas ini selalunya diadakan oleh Peregerakan Wanita ditempat ini.

c.ii Kenduri, kematian, ceramah agama, penerangan yang berkaitan dengan pertanian, pemerentahan dan sebagainya biasanya ramai dihadiri oleh orang orang yang sudah berumur.

Kedudukan mereka didalam masyarakat kampung akan didasarkan kepada peranan yang mereka mainkan didalam masyarakat itu. 4 orang (5%) dari responden merupakan orang yang penting dan memainkan peranan didalam masyarakat. Mereka menjadi tempat meminta nasihat, penggerak didalam satu rancangan terutama untuk kaum sejenis dan juga sebagai ketua kumpulan. Mereka adalah diantara responden yang berkebolehan dan berpelajaran. Kalau pun ada yang tidak berpelajaran

tetapi mereka mempunyai keistimewaan iaitu kaya dengan kira bicara, berani untuk ke hadapan dan sanggup berjuang. Mereka ini adalah terdiri dari wanita yang bolih membuat keputusan sendiri dalam bidang politik dan beberapa perkara lain. Dengan ini menunjukkan yang wanita di sini ada mempunyai bakat kepimpinan walaupun mereka mempunyai asas pelajaran yang rendah. Oleh itu ia telah merupakan satu aspek politik yang menunjukkan wanita tidak hanya menyerah semata mata.

Kebanyakan daripada mereka merupakan orang biasa didalam masyarakat. Mereka turut menyumbangkan tenaga mereka didalam segala kerja kebajikan untuk masyarakat kampung. Masyarakat menerima sumbangan mereka dan turut memberi sumbangan dan kerjasama atas segala usaha mereka. Dengan lain perkataan, masyarakat memberi galakan dan perhatian terhadap usaha mereka untuk meninggikan taraf wanita didalam kawasan ini. Umpamanya masyarakat turut membantu usaha mereka menubuhkan Tadika (Taman Didikan Kanak kanak). Masyarakat juga akan turut menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

C. Pengaruh siapakah yang 'dominant' didalam penglibatan responden.

Walaupun asas pelajaran yang mereka terima adalah rendah, namun mereka mempunyai inisiatif untuk bergerak didalam politik. Tidak ada siapa pun yang mempengaruhi diri mereka didalam penglibatan mereka didalam bidang politik. Kesedaran yang timbul dalam diri mereka adalah hasil dari pergaulan mereka dengan kawan kawan mereka, masyarakat kampung dan selalu menghadiri perjumpaan yang pernah diadakan ditempat ini. Satengahnya kesedaran itu timbul disebabkan latarbelakang keluarga mereka yang termasuk dalam golongan yang suka berpolitik. Akibat ter-

dedah kepada keadaan begini maka dengan senang mereka akan dipengaruhi dan membolehkan mereka mengenali politik dengan lebih mendalam lagi.

Pergerakan Wanita disini khususnya UMNO selalu mengadakan ceramah tentang politik dalam usaha mengenalkan masyarakat kampung dengan politik am nya dan partai Perikatan khasnya. Usaha daripada Pergerakan Wanita ini amat menggalakan dan mendapat sambutan yang baik dari masyarakat kampung. Hasil dari menghadiri ceramah begini mereka telah menjadi semakin jinak dengan politik, Mula mula sekadar menghadiri ceramah sahaja. Lama kelamaan mereka terus menjadi ahli didalam pergerakan ini biarpun sebagai ahli pasif maupun ahli yang aktif. Akhirnya tertubuhlah Pergerakan Wanita dikawasan ini dan terus berkembang di samping memberi khidmat kepada masyarakat.

Dengan ini jelas dilihat hasil dari ceramah yang selalu diadakan disini. Wanita disini membina sendiri satu kesedaran didalam diri mereka untuk mengambil bahagian didalam politik. Lazimnya sebelum menganggotai Pergerakan Wanita begini mereka akan meninjau juga pendapat daripada suami mereka.

D. Kepentingan politik terhadap wanita dikawasan ini.

Selepas menganggotai Pergerakan Wanita ini, mereka mempunyai lebih banyak kesempatan untuk menghadiri kelas kelas yang selalu diadakan oleh Pergerakan Wanita UMNO disini seperti kelas masak memasak, kelas jahit menjahit dan kelas sibik. Inilah tujuan mereka yang pertama.

Kemudian selepas begitu lama mereka menganggotai pergerakan ini mereka akan menyuarakan pula pendapat mereka (wanita yang berkebolehan) semasa menghadiri mesyuarat. Permintaan yang selalu dibuat agar pihak pergerakan cawangan bawa keatas ialah bekalan air dan api letrik.

Bagi mereka yang mempunyai kelebihan, menjadi ahli biasa adalah sebagai batu loncatan untuk lebih berjaya lagi didalam bidang politik dimasa skandatang. Mereka inilah yang akan menjadi ahli yang aktif dan menjadi ahli pentadbir didalam pergerakan.

University of Malaya

Footnote

1

Luarbandar disini penulis maksudkan,

- a. masih dikongkong oleh adat resam.
- b. menjalankan kegiatan pertanian.
- c. tidak mempunyai kemudahan seperti api listrik, bekalan air paip, kedudukannya jauh dari jalanraya (main road).

2

Lester W. Milbrath, Political Participation - How and Why Do People Get Involved In Politics, Rand Mc Nally and Co. Chicago, 1965, m.s 45.

(Note: beliau memetik dari The Civic Culture, oleh Almond and Verba, Princeton University Press, 1963.)

3

Almond and Verba, The Civic Culture, Princeton University Press, 1963.

4

Hashimah Roose, Changes in The Position of Malay Women dalam Women in The New Asia, edited by Barbara E. Ward, UNESCO, France, 1963, m.s 271.

5

Women In Britain - Their Part in Public Affairs, Great Britain Central Office of Information, Reference Division, 5th Impression, 1961, m.s 3.

Bibliography

1. Lester W. Milbrath
(1965)

'Political Participation - How and Why Do People Get Involved in Politics,'
Rand Mc Nally and Co. Chicago.

Untuk masa ini wanita Malaya khususnya yang sedang menerima pendidikan tinggi di luar negeri, politik dan sosial. Mereka perlu berbangsa dalam rangka pembangunan negara dan masyarakat, serta dalam bidang-bidang yang lain yang berkaitan dengan pembangunan nasional. Dalam konteks ini, peranan wanita dalam politik khususnya juga dipentingkan.

'They are needed in politics, along with those men who have grasped the new political orientation, to project through leadership, the values of love and care which are standing with which they have so far worked in their homes into today's political arena, the community, whose boundaries are the limits of the globe itself.'

BAB III

'PERANAN AHLI AHLI PERGERAKAN WANITA UMNO'

DITEMPAT KAJIAN'

- A. Ahli pasif.
- B. Ahli aktif.

Walaupun apa pun jenisnya, wanita haruslah berurusan sama dengan orang lelaki. Wanita yang itu akan lebih berjaya lagi. Ahli Pergerakan Wanita UMNO ini, dalam bentuk perhubungan pergerakan wanita, yang lagi diperingkat pertengahan. Mereka sendiri mengakui bahawa mereka adalah pergerakan politik. Mereka bertanggungjawab terhadap pertubuhan politik sebagai ahli sahaja. Peranan ahli wanita main dalam politik tidak begitu banyak. Mengingat kepada ketidakefektifan mereka hanya berguna untuk menunjukkan 'quasi' masyarakat wanita. Kerana itu kesihatan mereka dapat dilihat dalam dua kategori besar.

- A. Ahli pasif
- B. ahli aktif

A. ahli pasif.

Mereka ini terdiri daripada ahli-ahli biasa yang hanya menaruh minat terhadap sesuatu perkara yang berkaitan dengan kehidupan mereka dan menaruh minat terhadap sesuatu yang berkaitan dengan kehidupan mereka.

Untuk masa kini wanita Melayu khususnya amat penting memainkan peranan didalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Mereka perlu bersama dalam usaha membangunkan negara dan tanahair, ugama serta bangsa. Tenaga mereka sudah dirasakan penting buat masa sekarang. Selaras dengan Tahun Wanita Antarbangsa (1975) peranan mereka didalam politik khususnya juga dipentingkan.

'They are needed in politics, along with those men who have grasped the new people orientation, to project through legislation, the value of love and care and understanding with which they have so long worked in their homes into today's larger home, the community, whose boundries are the limits of the globe itself.' 1

Walaupun apa yang mereka akan lakukan haruslah bersama sama dengan orang lelaki agar satu rancangan itu akan lebih berjaya lagi.

Ahli Pergerakan Wanita UMNO dikawasan ini, kalau diikuti perkembangan pergerakan mereka masih lagi diperingkat pertengahan. Mereka sendiri mengakui 'kelemahan' mereka didalam pergerakan politik. Mereka menganggotai pertubuhan pertubuhan politik sebagai ahli sahaja. Peranan yang mereka main kalau dilihat tidak begitu banyak. Mengikuti seorang ketua cawangan, mereka hanya berguna untuk mencukupkan 'quorum' mesyuarat semata mata. Kerana itu keahkian mereka dapat dilihat dalam dua kategori besar.

A. Ahli pasif

B. Ahli aktif

A. Ahli pasif.

Mereka ini terdiri daripada ahli ahli biasa yang hanya membayar yuran ahli dan menjadi pengundi terhadap sesuatu usul yang

dikemukakan semasa mesyuarat cawangan diadakan. Mereka tidak berfungsi seperti seorang ahli yang dikehendaki. Tetapi walaupun bagaimanapun mereka mempunyai sumbangan berbentuk kebajikan.

Ahli yang dimasukkan kedalam kategori ini dapat dicirikan seperti berikut.

i. Tidak mempunyai atau rendah pelajaran. Soal ini telah dibincangkan dalam bab yang lepas. Ramai dari wanita dikawasan ini buta huruf. Kalau adapun pelajaran tetapi hanya diperingkat rendah tidak cukup untuk untuk mengenalkan mereka dengan politik. Sedangkan diketahui umum bahawa pelajaran adalah salah satu faktor yang penting untuk mengenalkan seseorang itu dengan politik.

ii. Mereka adalah terdiri dari orang kampung. Keadaan ini manampakkan bahawa mereka tidak terdedah kepada soal soal politik atau pun stimuli politik yang mana banyak memberi kesan keatas masyarakat yang tinggal di bandar. Dengan kedudukan yang begini tidaklah menjadi satu kehairanan kalau kebanyakan daripada responden yang ditemui terdiri dari ahli pasif. Oleh kerana mereka tinggal di kampung maka majoriti daripada mereka berkerja sebagai pesawah atau petani. Kerana itu inisiatif mereka terhadap politik amat rendah.

'Farmers tend to have the lowest levels of political participation of all occupational groupings.' 2

Jadi melihatkan kepada kawasan kajian yang terletak di kawasan luarbandar, maka tidaklah menghairankan sangat tentang peranan yang mereka mainkan dalam pergerakan politik terlalu rendah.

iii. Kedudukan ekonomi responden dikawasan ini adalah rendah.

Jadi lebih masa perlu ditumpukan pada kerja kerja untuk menampung sara hidup keluarga. Tidak hairanlah kalau penulis menghadapi masalah semasa menjalankan kajian. Penulis terpaksa menjalankan kajian disebelah malam kerana disabelah siangnya responden yang ingin ditemui terpaksa menjalankan kerja kerja harian untuk menampung sara hidup keluarga seperti bekerja disawah, berkebun dan sebagainya. Hal ini sudah cukup untuk membuktikan bahawa taraf ekonomi mereka adalah rendah. Akibatnya kesempatan untuk mereka bergiat didalam politik amat terhad sekali. Oleh sebab itulah mereka hanya menjadi ahli yang pasif sahaja, tidak ada kesempatan masa untuk bergiat disebabkan tugas lain yang lebih penting lagi harus disudahkan terlebih dahulu.

iv. Galakan daripada keluarga dan suami adalah kurang. Soal ini amat penting sekali kerana galakan daripada suami akan membuat mereka mempunyai tanggung jawab untuk bersama menyertai politik seperti wanita lain. Menurut seorang responden yang memang bergiat betul didalam politik, bahawa dari pemerhatiannya wanita dikawasan ini kurang mendapatkan galakan daripada suami. Sedangkan perkara ini adalah penting untuk seseorang itu bergiat didalam politik.

Penglibatan mereka didalam politik hanyalah daripada inisiatif mereka sendiri. Namun begitu kegiatan mereka tidak dapat ditumpukan sepenuhnya kepada politik disebabkan tugas lain masih banyak.

v. Satu lagi faktor ialah mereka tidak mempunyai keyakinan terhadap kebolehan mereka didalam politik. Ini disebabkan mereka tidak yakin dengan kadar pelajaban yang ada pada mereka.

Kebanyakan dapipada responden yang ditemui mempunyai ciri ciri yang telah diberi tadi. Dari sini dapat dibuat kesimpulan saper-
ti berikut.

a. Penglibatan ahli ahli pasif tertumpu pada aspek aspek tertentu pada masa masa tertentu seperti majlis kenduri, majlis ceramah dan beberapa aktiviti kebajikan.

b. Mereka hanya membayar yuran sebagai ahli tetapi tidak berfungsi sebagai ahli yang sebenarnya.

c. Mereka hanya mengundi sahaja didalam mesyuarat dan ada diantara mereka hanya menjadi 'pak turut' sahaja.

Walaupun mereka merupakan ahli pasif ini tidaklah bermakna mereka tidak tahu langsung soal politik. Mereka mempunyai kemahuan untuk berpolitik tetapi disebabkan perkara perkara yang telah disebutkan tadi maka keinginan mereka terpaksa dikorbankan. Mereka sanggup bergiat tetapi tidaklah dibarisan hadapan seperti ahli ahli yang aktif.

B. Ahli aktif.

Bilangan ahli yang aktif adalah terlalu sedikit kalau dibandingkan dengan bilangan ahli ahli pasif. Dari 80 orang responden yang ditemui 75 orang (93.75%) adalah ahli ahli pasif. Hanya 5orang sahaja (6.25%) tergolong dalam ahli aktif. Mereka ini terdiri dari ahli ahli jawatan kuasa cawangan. Golongan ini adalah mereka yang telah lama berjuang didalam politik.

Ahli ahli aktif dikawasan ini berusaha sedaya upaya mereka menjalankan kegiatan yang berkaitan dengan kebajikan ahli seperti mengadakan kelas jahit menjahit, kelas masak memasak dan menubuh

syarikat kerjasama. Pergerakan Wanita UMNO Kubang Pasu Timor dan Pergerakan Wanita UMNO Air Hitam misalnya telah menubuhkan syarikat kerjasama dikawasan masing masing untuk memberi khidmat kepada masyarakat setempat.

Ahli ahli yang aktif mempunyai beberapa kriteria yang membolehkan mereka bergiat dengan bersungguh sungguh didalam politik.

i. Mereka mempunyai asas pelajaran yang mencukupi untuk membolehkan mereka mengenali politik dengan baik. Ada juga ahli ahli yang aktif yang tidak mempunyai asas pelajaran yang baik, tetapi disebabkan mereka mempunyai kecenderongan yang kuat terhadap politik mereka menjadi ahli yang betul betul bergiat didalam politik.

ii. Mereka mempunyai kedudukan ekonomi yang baik. Ada sa-
tengah daripada mereka mempunyai harta yang mencukupi untuk hidup
biarpun mereka tidak berkerja. Dengan ini mereka dapat menumpukan
perhatian mereka terhadap politik. Ada pula daripada mereka yang
berkerja dengan kerajaan. Jadi kesempatan untuk berpolitik dan
bergiat didalam bidang bidang lain adalah luas.

iii. Ada diantara mereka tergolong didalam keluarga yang suka
berpolitik. Dengan ini mereka kerap kali mendapat dorongan daripada
suami atau pun keluarga. Kerana itu 'motivation' mereka kearah
politik adalah kuat. Hakikat ini tidak dapat dinafikan kerana
telah pun ditunjukkan sebelum ini bahawa ahli ahli pasif kurang
mendapat galakan dari suami atau pun keluarga.

iv. Satu perkara lagi ialah kedudukan sosial mereka adalah
tinggi dikalangan masyarakat. Mereka mendapat perhatian daripada
masyarakat dan mendapat juga galakan daripada masyarakat setempat.

Oleh sebab itu mereka menjadi ahli yang aktif. Keadaan sekeliling terutama rumahtangga yang selesa telah membolehkan mereka bergerak cergas didalam politik.

Kelihatan kesibokan mereka semasa menghadapi pilihanraya. Mereka terpaksa berkejar kesana kemari untuk mengumpulkan ahli jika diadakan ceramah tentang partai, kempin dan sebagainya. Dalam masa berkempin mereka diberi tugas berkempin dari rumah kerumah. Mereka tidak akan menolak. Malah ada yang sanggup menggunakan wang sendiri untuk menyiapkan makanan untuk penceramah dan pensyarah pensyarah.

Peranan ahli aktif yang dianggap paling penting ialah mendapatkan ahli sebanyak yang terdaya. Banyak cara yang telah dijalankan oleh mereka. Antaranya telah pun disebutkan iaitu;

- a. Kempin dari rumah kerumah.
- b. Mengadakan kelas jahit menjahit dan masak memasak.
- c. Melalui kegiatan kebajikan seperti menolong masyarakat dalam menyelesaikan masalah mereka, membantu keluarga yang miskin untuk membolehkan anak mereka melanjutkan pelajaran dan sebagainya. Melalui kegiatan begini mereka dapat menjalankan pengaruh mereka.

Untuk menjadi seorang ahli yang aktif seseorang itu hendaklah telah cukup matang peribadinya sehingga ia dapat melihat hal hal yang diluar kepentingan dirinya sendiri. Kematangan peribadi disini penulis maksudkan jujur terhadap tugasnya. Seorang pemimpin selain dari kesanggupannya berpolitik, harus juga dihormati sebagai seorang yang tinggi akhlaknya.

Bagi kampong yang ingin menubuhkan cawangan, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Daerah/Bahagian dan Ahli Jawatan Kuasanya akan turut

serta memberi penjelasan tentang politik dan partai. Beginilah cara yang selalu mereka lakukan. Ini juga merupakan satu daya pengaruh terhadap ahli ahli baru untuk menceburkan diri kedalam bidang politik. Usaha mereka tidak pernah sia sia. Mereka tidak pernah menggunakan kekerasan dalam mendapat dan menambahkan ahli ahli.

Ahli ahli yang aktif ini sedar bahawa kaum wanita yang masih terkongkong oleh kemiskinan dan tradisi hidup mereka yang sempit di-kampung kampung itu memerlukan pimpinan kaum sejenisnya untuk memperjuangkan nasib mereka. Mereka memerlukan orang yang akan membawa persoalan mereka ketengah, kepada pihak yang berkuasa yang mana hampir keseluruhannya terdiri dari orang lelaki.³ Kerana itulah wanita-wanita yang aktif dalam politik dan berpengatahuan agak luas di-kawasan ini menjalankan kegiatan kegiatan yang telah disebutkan tadi demi membangunkan kedudukan wanita ketaraf yang lebih tinggi.

Mereka selalu mengadakan perjumpaan perjumpaan yang tidak resmi selain daripada mesyuarat cawangan untuk membincangkan masalah bersama. Bukan sekadar itu saja, ada wanita wanita yang aktif ini mempunyai pengaruh yang besar didalam masyarakat. Rumah mereka menjadi tumpuan wanita khususnya dan sedikit lelaki untuk menyampaikan masalah mereka. Kadang kadang masalah itu merupakan masalah keluarga. Walaupun diantara mereka tidak mempunyai pelajaran yang tinggi tetapi mereka mempunyai atau kaya dengan kira bicara. Agak tidak keterlaluan kalau dikatakan tokoh tokoh yang beginilah yang digemari oleh raayat. Kalau diberi kesempatan mungkin disatu masa mereka akan menjadi pemimpin yang baik.

Jadi sebagai kesimpulan kepada keadaan kedua dua bentuk ahli ini dapatlah dikatakan bahawa majoriti daripada wanita dikawasan ini tergolong didalam kategori ahli pasif. Ahli yang betul betul bergiat didalam politik kecil bilangannya. Oleh itu pasif atau aktifnya ahli ahli adalah ditentukan oleh faktor faktor seperti berikut:

i. Pelajaran.

ii. Latarbelakang keluarga.

iii. Kedudukan ekonomi.

iv. Kedudukan sosial.

v. Motivation

vi. Keperluan terhadap politik.

2. Campbell, Angus et al. (1963) 'The American Voter,' Wiley, New York.
3. Anis-Sahirin (1959) 'Paradisa Wanita Muda,' Utusan Melayu, Kuala Lumpur.
4. Lester, W. Mitchell (1949) 'Political Participation - How and Why Do People Get Involved in Politics,' Rand McNally and Co., Chicago.

Footnote

- 1 Grace Mac Innis (MP), 'Women and Politics', dalam 'The Parliamentarian - Journal of The Parliament of The Commonwealth', Vol. LIII No. 1, January 1972, m.s 11-12.
- 2 Campbell, Angus et-al, 'The American Voter', Wiley, New York, 1960, m.s 42.
- 3 Anis Sabirin, 'Peranan Wanita Baru', Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1969, m.s 62.

Bibliography

1. Grace Mac Innis (MP) (1972) 'Women and Politics', dalam 'The Parliamentarian - Journal of The Parliament of The Commonwealth', Vol. LIII No. 1.
2. Campbell, Angus et al (1960) 'The American Voter', Wiley, New York.
3. Anis Sabirin (1969) 'Peranan Wanita Baru', Utusan Melayu, Kuala Lumpur.
4. Lester W. Milbrath (1965) 'Political Participation - How and Why Do People Get Involved in Politics', Rand Mc Nally and Co. Chicago.

Wanita

'Kalau wanita lemah, mereka menjadi beban kepada lelaki. Alangkah ruginya kalau lelaki bila dibebankan dengan kaum wanita yang lemah? Adakah lebih bijaksana jika kaum lelaki menyodari hakikat ini dan tidak menghalang kaum wanita mencapai ke behasan dan kemajuan.' 1

Ditambahir kita pergerakan wanita masih muda. Namun begitu perjuangannya sudah menampakkan beberapa kejayaan yang membanggakan. Secara umumnya mereka memperjuangkan sesuatu yang tidak melampaui tertantu, tidak terlalu agresif. Segala tuntutan dan tuntutan mereka adalah dalam bentuk memorandum dan sebagainya. Kebanyakan daripada tuntutan mereka

BAB IV

'PENGLIBATAN WANITA SECARA LANGSUNG

DIDALAM POLITIK'

Wanita yang **DIDALAM POLITIK'** ini harus diberi galakan dan dorongan. A. Semasa mesyuarat pergerakan cawangan. Negara.

B. Menghadapi pilihanraya.

- 1. Berkempin.
- 11. Berceramah.
- 111. Di hari pembuangan undi.

Hal ini membolehkan B. Menghadapi pilihanraya. 1. Berkempin. 11. Berceramah. 111. Di hari pembuangan undi. (policy-making); dan soal tentang wanita dan soal soal kemanusiaan tidak akan diabaikan oleh pemerintahan. Wanita didalam politik akan dapat menolong kaum sejawatnya. Wanita juga lebih pandai bertolak ansur dan berdamai kerana umumnya sifat wanita pandai berdiplomasi dan mencari penyelesaian dan penyusunan didalam pergaulan seharian-hari.

Untuk sampai ke peringkat atas begitu mereka harus bercahaya dari peringkat bawah. Mereka harus menunjukkan bakat dan kebolehan sebagai pemimpin kerana diperingkat rendah lagi seperti dalam masa

Quote

'Kalau wanita lemah, mereka menjadi beban kepada lelaki. Alangkah ruginya kaum lelaki bila dibebankan dengan kaum wanita yang lemah? Adalah lebih bijaksana jika kaum lelaki menyedari hakikat ini dan tidak menghalang kaum wanita mencapai ke bebasan dan kemajuan.' 1

Ditanahair kita pergerakan wanita masih muda. Namun begitu perjuangan mereka sudah menampakkan beberapa kejayaan yang membanggakan. Secara am nya mereka memperjuangkan sesuatu mengikut saluran tertentu, tidak terlalu agresif. Segala cadangan dan tuntutan mereka biasanya didalam bentuk memorendom dan usul. Kebanyakan daripada tuntutan mereka adalah untuk kepentingan kaum wanita.

Wanita yang sedar akan tanggungjawabnya begini harus diberi galakan dan dorongan untuk terus berkhidmat kepada bangsa dan negara. Hal ini membolehkan mereka menduduki kerusi tertinggi didalam pemerentahan. Dengan adanya kaum wanita didalam bidang politik terutama pada peringkat tertinggi begini iaitu peringkat membuat dasar (policy-making), soal soal tentang wanita dan soal soal kemanusiaan tidak akan diabaikan oleh pemerentahan. Wanita didalam politik akan dapat menolong kaum sejenisnya. Wanita juga lebih pandai bertolak ansor dan berdamai kerana umumnya sifat wanita pandai berdiplomasi dan mencari penyelesaian dan penyesuaian didalam pergaulan seharian.

Untuk sampai keperingkat atas begini mereka harus bermula dari peringkat bawah. Mereka harus menunjukkan bakat dan kebolehan sebagai pemimpin semasa diperingkat rendah lagi seperti dalam masa

bermesyuarat, menghadapi pilihanraya dan kebolihan bertolak ansor serta pandai menyelesaikan masalaah didalam masyarakat.

Keadaan ini juga tidak terkecuali dari wanita dikawasan kajian ini. Mereka juga turut juga menunjukkan kebolihan didalam situasi begini. Disebabkan kegiatan lain lebih penting (kehendak biojnik/kehendak asas) maka penglibatan mereka didalam politik agak berkurangan. Soal in akan dilihat didalam perbincangan selanjutnya.

A. Penglibatan semasa mesyuarat pergerakan cawangan.

Mesyuarat cawangan selalunya diadakan apabila cawangan ingin memilih Ketua dan Ahli Jawatan Kuasa yang baru. Tiap tahun Ketua dan Ahli Jawatan Kuasa Cawangan dipilih semula untuk mengendalikan kegiatan pergerakan.

Semasa mesyuarat dijalankan kedua dua pihak, ahli yang aktif dan ahli yang pasif turut serta. Mereka sama sama berbincang dan sama sama membuat keputusan. Biasanya tidak ada perdebatan yang berseungguh sungguh. Selalu saja setiap cadangan diterima tanpa bangkangan. Undian yang diterima untuk satu satu cadangan adalah sebulat suara.

Terdapat dua golongan yang ketara benar semasa mesyuarat dijalankan.

1. Golongan pemerhati.

Golongan ini mendengar hujjah hujjah dan perbincangan semasa mesyuarat dijalankan. Mereka menjadi pemerhati dan pengundi semasa satu satu usul dikemukakan. Dalam keadaan begini pengaruh mereka amat besar. Golongan kedua yang masuk bertanding samaada sebagai

Ketua Cawangan atau Ahli Jawatan Kuasa besar bergantung kepada undi yang akan mereka berikan. Ahli didalam golongan ini adalah mereka yang kurang aktif didalam politik. Kumpulan mereka adalah merupakan golongan terbanyak. Mereka selalu duduk dibahagian belakang didalam tempat mesyuarat. Kalau diminta memenohi bahagian hadapan, masing-masing bertolak tolak, takut atau malu untuk kehadapan.

ii. Golongan aktif.

Mereka terdiri daripada Ahli Jawatan Kuasa Pergerakan Cawangan, wanita wanita yang mempunyai pelajaran, wanita yang ada kesedaran politik dan wanita yang betul betul bergiat didalam politik didalam masyarakat tempat ini. Mereka selalunya berdebat sesama mereka, berbincang tentang masaalah yang ditimbulkan didalam mesyuarat dan diakhir mesyuarat akan membuat keputusan dengan pergantungan besar kepada golongan yang pertama tadi. Mereka juga yang menyediakan ajinda mesyuarat dan menyediakan surat jemputan (biasanya ahli dijemput dengan panggilan mulut sahaja). Mereka berkerja keras untuk mengadakan mesyuarat. Kebolihan yang mereka tunjukkan didalam masa bermesyuarat ini akan dijadikan ukuran oleh ahli ahli yang hadir, jika mereka dicalunkan kedalam Ahli Jawatan Kuasa baru kelak.

Sudah menjadi satu ternd, baik didalam mesyuarat cawangan mana mana pergerakan sekali pun, mereka yang rajin dan bijak bercakap, berpelajaran atau mempunyai salah satu daripada ciri ciri itu akan terpilih untuk menganggotai Ahli Jawatan Kuasa Cawangan yang baru. (Note: ada Ahli Jawatan Kuasa lama yang tidak dipilih semula akan merajok dan menarik diri dari pergerakan. Hal ini memang lazim berlaku dikawasan ini).

Ahli ahli memberi kepercayaan kepada mereka, dimana mereka dianggap dapat memberi khidmat kepada pergerakan dan membawa usul yang diputuskan didalam mesyuarat kedalam mesyuarat Pergerakan Wanita Bahagian. Penyertaan mereka didalam mesyuarat adalah seperti berikut.

Rajah III BENTUK PENYERTAAN AHLI AHLI SEMASA
MESYUARAT CAWANGAN.

| Jenis penyertaan | | Bilangan ahli | | Peratus | |
|------------------|--------------------|---------------|----|---------|-------|
| AKTIF | berbincang | 4 | 11 | 5 | 13.75 |
| | menyoal | 7 | | 8.75 | |
| PASIF | pemerhati pengundi | 60 | 69 | 75 | 86.25 |
| | tidak mengundi | 9 | | 11.25 | |
| Jumlah | | 80 | | 100% | |

Dari 80 orang responden yang ditemui 69orang (86.25%) merupakan ahli yang tidak aktif didalam masa mesyuarat. Ada ahli yang datang bermesyuarat tetapi tidak mengundi semasa undian terhadap satu satu usul atau dalam masa pemilihan Ahli Jawatan Kuasa baru dijalankan. Mereka ini meliputi 9 orang (11.25%) dari responden. Kehadiran mereka hanyalah sebagai pendengaran. Yang betul aktif hanya 11 orang (13.75%) sahaja. Merekalah yang menghidupkan suasana gelak ketawa semasa bermesyuarat. Mereka juga nanti akan menganggotai kerusi Ahli Jawatan Kuasa Cawangan.

Kadang kadang timbul juga masalah dimana ada ahli yang dipanggil tidak hadir semasa mesyuarat diadakan. Mereka sibok

dengan tugas harian mereka. Tugas ini lebih penting kepada mereka. Adakala kehadiran tidak memuaskan langsung. Ini dapat dibuktikan dari jawapan yang mereka beri.

Rajah IV KEHADHIRAN SEMASA MESYUARAT.

| Kedatangan | Bilangan | Peratus |
|---------------------------------|----------|---------|
| Hadhir pada tiap kali mesyuarat | 28 | 35 |
| Hadhir berselang selang | 42 | 52.5 |
| Tidak pernah hadir langsung | 10 | 12.5 |
| Jumlah | 80 | 100% |

Mereka yang betul betul berminat dalam menghadiri mesyuarat hanya 28 orang (35%) dari 80 orang responden yang ditemui. Separoh lebih iaitu 42 orang (52.5%) hadir secara berselang selang disebabkan ada tugas lain yang lebih penting yang harus diselesaikan. Sementara 10 orang (12.5%) tidak pernah menghadiri langsung mesyuarat. Bila disoal kenapa mereka berbuat demikian, mereka tidak dapat memberi jawapan. Didalam mesyuarat segala usul yang diluluskan akan dicatit dan dibawa kemesyuarat bahagian.

Antara beberapa usul yang pernah dibuat oleh wanita wanita dikawasan ini ialah:

- i. Meminta pihak yang berkenaan mengadakan menteri wanita.
- ii. Meminta pihak yang berkenaan mengadakan askar wataniah wanita.

iii. Ahli Jawatan Kuasa Bahagian biarlah ramai terdiri dari wanita luar bandar yang berkebolehan. Ini bertujuan untuk membangunkan diri mereka sebagai pemimpin di masa akan datang.

iv. Pihak berkuasa harus mengadakan surau dihospital untuk memudahkan orang Islam yang menunggu keluarga mereka yang sakit bersembahyang.

Walaupun begitu wanita wanita dikawasan ini tetap berusaha membaiki kelemahan mereka terutama didalam Ahli Jawatan Kuasa Cawangan (sebagai jentera penggerak) dan mencari jalan untuk menambahkan bilangan ahli.

B. Henghadapi pilihanraya.

Menghadapi pilihanraya merupakan masa yang paling sibuk bagi semua ahli. Baik ahli yang aktif maupun ahli yang pasif masing masing ada tugas. Pembahagian tugas ini dibuat oleh Ahli Jawatan Kuasa Cawangan yang menerima arahan dari bahagian.

Akan ternampak penglibatan mereka didalam beberapa keadaan semasa suasana pilihanraya sedang berjalan.

1. Berkempin
- ii. Berceramah
- iii. Dihari pemuangan undi

Biasanya untuk menjalankan tugas tugas ini tiap tiap partai politik yang masuk bertanding akan mengadakan jentera pilihanraya sendiri. Selalunya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu seksi wanita dan seksi pemuga. Mereka diberi tugas untuk memberi maklumat

tentang pendirian partai kepada pengundi pengundi.

1. Berkempin

Saperti kata John Doraisamy (1968),

'Meetings and rallies are held. Numerous speeches are made and phamplets distributed by the hundreds.'¹²

Selepas pernamaan calon dibuat maka kempin pilihanraya pun dimulakan. Kempin ini merupakan peperangan partai (party war) dan perang poster (poster war). Semasa ini wanita wanita dikawasan ini memainkan peranan mereka disamping kaum lelaki. Mereka diberikan tugas tugas tertentu .

Tugas yang biasa mereka lakukan ialah kempin dari rumah ke rumah kerana cara ini lebih berkesan dan senang dijalankan dan sesuai dengan wanita. Telah pun dibincangkan didalam bab yang lepas iaitu majoriti dari mereka adalah buta huruf. Jadi melalui kempin dari rumah kerumah, hasil yang diperolehi amatlat menggalakan. Sebelum mereka menjalankan kempin ini, terlebih dahulu mereka diberi penerangan apa yang harus dilakukan. Penerangan ini akan memudahkan lagi tugas mereka. Bersama sama mereka dibawa 'phamplets' yang menceritakan tentang partai mereka dan cara cara yang harus dilakukan semasa hari undi nanti. Banyak dari responden yang ditemui mengatakan mereka merasa gembira menjalankan tugas ini. Mereka tidak merasa malu malah merasa bangga kerana mereka dipilih. Cara yang mereka lakukan amat mudah. Mereka hanya perlu berbual dengan pengundi yang ditemui. Mulanya berbual tentang soal hari hari. Disamping itulah mereka menjalankan tugas mereka secara tidak disedari oleh pengundi itu.

Disamping menjalankan kempin begini, mereka akan taburkan 'phamplets' yang dibawa bersama sama mereka. Tugas tugas mereka ini membuatkan suasana masa berkempin bertambah menarik. Di-sana sini kelihatan wanita wanita ini menjalankan tugas mereka. Mereka telah membuktikan kepada masyarakat kampung bahawa mereka juga dapat melakukan tugas yang seharusnya dibuat oleh orang lelaki. Tugas ini mereka lakukan dengan tabah. Hasil yang diperolehi amat memuaskan. Mereka berasa bangga kerana dapat berkhidmat bogini untuk partai.

ii. Berceramah

'.....a common practise is to hold a small meeting.'²

Disamping melakukan rapat umum secara terbuka dan kempin dari rumah ke rumah diadakan juga majlis berceramah. Penceramah dijemput daripada Ahli Jawatan Kuasa Bahagian. Ceramah lebih berkesan lagi. Ceramah biasanya diadakan di rumah ahli partai. Kehadiran tidak ramai hanya antara 50 - 200 orang sahaja.

Selalunya dalam masa mengadakan ceramah usaha utama dijalankan oleh seksyen wanita dan seksyen pemuda. Orang lelaki menyediakan kelengkapan seperti meja kerusi dan sebagainya. Sementara wanita pula sibuk pula menyediakan makanan untuk penceramah dan sekelian yang hadir.

Kehadiran biasanya memuaskan. Dalam tiap kali ceramah diadakan wanita yang lebih ramai hadir. Ini disebabkan mereka ingin mengetahui lebih mendalam lagi tentang partai, cara mengundi dan perkara yang berkaitan dengan pilihanraya. Semasa menghadiri ceramah ini pun agak sama juga dengan keadaan mereka menghadiri

mesyuarat. Mereka hanya mendengar tanpa soal jawab. Namun begitu kesan yang diterima amat mendalam sekali.

iii. Dihari pembuangan undi

Semasa mesyuarat cawangan diadakan sebelum pilihanraya diadakan ada diantara wanita wanita yang dipilih untuk menjalankan tugas terakhir. Mereka ditempatkan pada tempat tempat penting yang akan dilalui oleh pengundi pengundi ketempat pembuangan undi. Semasa ini mereka akan mengingatkan pengundi pengundi apa yang harus dilakukan ditempat mengundi nanti.

Didalam ketiga tiga keadaan ini mereka (tidak semua) akan menumpukan perhatian terhadap pilihanraya. Mereka berminat sekali dengan kerja kerja bagini walaupun mereka tidak atau jarang keluar menghadiri rapat umum yang diadakan. Secara perlahan lahan, melalui asohan begini dirasakan minat mereka untuk melibatkan diri dalam politik akan bertambah.

University Press, Kuala Lumpur,
1960.

'The Malayan Parliamentarian'

Malayan Press, Kuala Lumpur.

'The Indian Political System'

Houghton Mifflin Co., Boston, 1971.

Footnote

1

Pendapat Dr. Magret Mead Pakar Antropoloji Amerika yang diberikan kepada Azah Aziz di Manila. Dipetik dari artikel oleh Azah Aziz, 'Pertemuan di Istana Presiden Marcos,' dalam 'Utusan Melayu,' keluaran 19hb. Ogos 1975,

m.s 4.

2

John Doraisamy, 'Living in Malaysia' Bk. 4, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1968, m.s 12-13.

3

K.J Ratnam and R.S Milne, 'The Malaysian Parliamentary Election of 1964' University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969, m.s 178

Bibliography

1. Utusan Melayu keluaran 19hb. Ogos 1975.
2. John Doraisamy 'Living in Malaysia' Bk. 4 Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1968.
3. K.J Ratnam and R.S Milne (1969) 'The Malaysian Parliamentarian Election of 1964' University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
4. Norman D. Palmer 'The Indian Political System' Houghton Mifflin Co. Boston, 1971.

PENUTUP

Olih kerana kajian ini dilakukan dalam masa yang begitu terhad sekali iaitu dalam masa cuti panjang universiti bagi sesi 1974/75 dan beberapa pemerhatian oleh penulis sebelum dari tarikh ini, maka hasilnya tidaklah dapat menggambarkan dengan tepat keadaan yang ada dan wujud didalam kawasan ini. Walau bagaimana pun penulis rasakan yang kajian ini dapatlah dijadikan asas kepada kajian selanjutnya, kepada pemimpin dan juga kepada masyarakat untuk menentukan kearah mana perjuangan wanita dikawasan ini dibawa dan sudah setakatmana kejayaan yang telah mereka capai. Kajian ini diharapkan dapat setidak tidaknya memberi gambaran perjuangan dan penglibatan wanita dikawasan ini dibidang politik.

Apa yang jelas dari huraian yang diberi ialah penglibatan mereka didalam bidang politik masih berkurangan lagi. Ada beberapa sebab mengapa keadaan ini wujud.

i. Pelajaran asas yang diterima oleh wanita disini adalah tersangat rendah. Kebanyakan daripada mereka hanya bersekolah pondok, dan sempat menamatkan persekolahan hingga darjah empat sekolah Melayu. Keadaan ini tidak mencukupi untuk melengkapkan diri mereka untuk bergiat didalam politik. Lagi pun asas pelajaran serendah ini tidak sempat untuk mengenalkan wanita dikawasan ini dengan politik.

ii. Akibatnya mereka tidak mempunyai keyakinan terhadap kobolihan mereka. Kerana itu kebanyakan daripada mereka menganggap politik tidak mempunyai apa pun faedah selain dari mengenal

kan mereka dengan partai politik dan kerajaan yang memerintah. Itulah sebabnya kalau mereka menjadi ahli Pergerakan Wanita hanya sebagai ahli yang pasif saja.

iii. Kurangnya keinginan mereka juga disebabkan oleh banyak tugas lain yang lebih penting yang harus mereka lakukan.

iv. Kurang mendapat sokongan daripada suami dimana sokongan ini menurut setengah daripada mereka merupakan daya penggerak yang baik.

Kesan daripada sebab sebab ini mengakibatkan mereka kurang berminat untuk bergiat didalam bidang politik. Ini tidak bermakna semua wanita dikawasan ini bersifat begitu. Ada diantara mereka mempunyai kesedaran terhadap pentingnya mereka mengetahui politik secara bersungguh sungguh. Kerana itulah ada beberapa orang tokoh dikalangan wanita disini yang memberinafas politik hingga tertubuhnya Pergerakan Wanita dikawasan ini.

Wanita dikawasan ini bergiat didalam politik sejak sebelum merdeka lagi. Walaupun secara tidak serious (kebanyakannya merupakan ahli pasif) namun mereka telah dapat melahirkan beberapa orang tokoh yang dapat dibanggakan. Tokoh tokoh ini hanya terkenal dikalangan masyarakat setempat sahaja. Ada diantara mereka pula telah terpilih sebagai Ahli Jawatan Kuasa Pergerakan Wanita Peringkat Negeri.

Pergerakan Wanita disini sentiasa berkembang biarpun terdapat beberapa perkara yang menghalang mereka seperti yang telah disebutkan tadi. Pengaruh pergerakan sentiasa bertambah, dari masa kemasa. Ini jelas dari bertambahnya bilangan ahli. Pertambahan

ini adalah akibat daripada usaha Ahli Jawatan Kuasa Cawangan yang tidak pernah mengenal penat lelah didalam menjalankan berbagai kegiatan demi kepentingan ahli. Usaha mereka yang mana kebanyakannya berbentuk kebajikan telah menarik minat masyarakat. Antara beberapa kegiatan yang telah mereka jalankan ialah;

- i. Mengadakan kelas Taman Bimbingan Kanak Kanak.
- ii. Mengadakan kelas masak memasak, jahit menjahit dan kelas sibik.
- iii. Mengadakan ceramah ceramah yang berunsurkan politik dan ugama.
- iv. Melibatkan diri kedalam kerja amal dan kebajikan yang dianjurkan oleh masyarakat setempat.

Didalam menjalankan kegiatan ini, pergerakan selalu saja berdepan dengan masaalah. Selalunya masaalah ini akan dirujukan kepada Pergerakan Bahagian jika sekiranya masaalah itu tidak dapat diselesaikan dicawangan.

Perjuangan wanita tidak akan berakhir jika sekiranya apa yang mereka mahu tidak tercapai. Perjuangan mereka seharusnya dikenang oleh semua lapisan masyarakat. Bagi tokoh tokoh wanita di kawasan ini diharapkan sebagai mengganngkan jasa mereka, pihak atasan haruslah berbuat sesuatu seperti mengadakan pingat jasa kebaktian untun diberikan kepada mereka, atas jasa mereka mendekati wanita disini dengan politik. Dari perbualan dengan penulis beberapa orang tokoh yang telah lama berkecimpung didalam politik telah melahirkan perasaan mereka terhadap hal ini. Ada dua perkata yang selalu mereka bayangkan kepada penulis tetapi

tidak pernah menjadi usul didalam mesyuarat yang pernah diadakan.
Kedua dua perkara tersebut ialah;

- i. Beri sijil kepada wanita yang sudah lama berkecimpung didalam bidang politik agar mereka merasa perjuangan yang telah mereka lakukan selama ini tidang dipandang enteng atau tidak disia siakan oleh pihak atasan.
- ii. Selama ini wakil raayat lelaki sahaja yang menjadi 'mediator' antara rakyat dengan pemerintah bagi kawasan ini. Jadi wanita dikawasan ini merasakan elok pula kalau tempat ini diduduki oleh wakil raayat wanita. Wanita juga bertenaga dan mempunyai kebolehan didalam menjalankan tugas ini seperti wanita ditempat lain. Mungkin mereka akan dapat membuat tuntutan yang lebih berkesan lagi. Keadaan ini akan mendekatkan lagi wanita disini dengan wakil mereka dimana selama ini jarang terdapat wanita membawa masalah mereka kepada wakil rakyat lelaki. Kenyataan ini bukan hanya bertujuan mencabar kebolehan wakil rakyat lelaki atau untuk menidakkan tugas yang telah mereka jalankan selama ini. Apa yang dikehendaki disini ialah perubahan didalam pentadbiran yang selama ini boleh dikatakan dimonopolikan oleh orang lelaki.

Dengan ini tenaga wanita yang selama ini terpendam dapat pula dibawa ke hadapan untuk dinilai. Dengan ini segala kebolehan mereka menjalankan tugas tugas begini akan menggambarkan kesungguhan minat mereka untuk berpolitik.

Jadi segala yang telah dibentangkan didalam kajian ini diharapkan akan menjadi panduan kepada pihak pemerintah untuk mencari jalan bagi mengatasi 'keseganan' wanita untuk bergiat didalam bidang politik. Segala masaalah yang telah dicatitkan tentang mengapa wanita dikawasan ini khususnya dan dilain kawasan amnya kurang berminat untuk bergiat didalam politik akan dapat diselesaikan oleh pihak atasan. Dengan terurainya masaalah masaalah yang menghalang wanita daripada bergerak didalam politik dengan lebih berkesan lagi dirasakan akan menambahkan lagi bilangan wanita yang bergiat didalam politik bagi kawasan ini dan juga kawasan lain nya.

5. David A. Gordon
(1968)
'WOMEN OF ALGERIA - AN ESSAY ON CHANGE' Harvard Middle Eastern Monograph Series, Harvard University Press, Massachusetts.
6. Eric A. Nordlinger
(1970)
'POLITIC AND SOCIETY - STUDIES IN COMPARATIVE POLITICAL SOCIOLOGY'
Paradigm-Hall, New Jersey.
7. Grace van Incha (NP)
(1974)
'WOMEN AND POLITICS' dalam
'THE PARLIAMENTARIAN - JOURNAL OF THE PARLIAMENT OF THE NETHERLANDS'
Vol. LIII No. 1.
8. Haskinah Soeja
(1963)
'CHANGE IN THE POSITION OF MALAY WOMEN' dalam 'WOMEN IN THE NEW ASIA'
edited oleh Barbara K. Ford, UNESCO, France.

BIBLIOGRAPHY

1. Almond and Verba
(1963) 'THE CIVIC CULTURE' Princeton University Press.
2. Anis Sabirin
(1969) 'PERANAN WANITA BARU' Utusan Melayu, Kuala Lumpur.
3. Campbell, Angus et al
(1960) 'THE AMERICAN VOTER' Wiley, New York.
4. Dennis Kavanagh
(1972) 'POLITICAL CULTURE' The Macmillan Press Ltd. London.
5. David A. Gordon
(1968) 'WOMEN OF ALGERIA - AN ESSAY ON CHANGE' Havard Middle Eastern Monograph Series, Havard University Press, Massachusetts.
6. Eric A. Nordlinger
(1970) 'POLITIC AND SOCIETY - STUDIES IN COMPARATIVE POLITICAL SOCIOLOGY' Parentice-Hall, New Jersey.
7. Grace Mac Innis (MP)
(1972) 'WOMEN AND POLITICS' dalam 'THE PARLIMENTARIAN - JOURNAL OF THE PARLIMENT OF THE COMMONWELTH' Vol. LIII No. 1.
8. Hashimah Roose
(1963) 'CHANGE IN THE POSITION OF MALAY WOMEN' dalam 'WOMEN IN THE NEW ASIA' edited oleh Barbara E. Ward, UNESCO, France.

9. John Doraisamy (1968) 'LIVING IN MALAYSIA' Bk. 4, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
10. K.J Ratnam & R.S Milne (1969) 'THE MALAYSIAN PARLIMENTARY ELECTION OF 1964' University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
11. Lester W. Milbrath (1965) 'POLITICAL PARTICIPATION - How and Why Do People Get Involved in Politics' Rond Mc Nally and Co. Chicago.
12. Michel Rush & Philip Althoff (1971) 'AN INTRODUCTION TO POLITICAL SOCIOLOGY' Nelson's University, England.
13. Norman D. Palmer (1971) 'THE INDIAN POLITICAL SYSTEM' Houghton Mifflin Co. Boston.
14. JUBLEE PERAK UMNO MALAYSIA - 25 TAHUN DALAM KENANGAN, Kumpulan Akhbar Utusan Melayu (M) Bhd. Kuala Lumpur, 1971.
15. PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA - PENYATA 1971/72, Percetakan Abadi, Kuala Lumpur, 1972.
16. UTUSAN MALAYSIA keluaran 19hb. Ogos 1975.
17. WOMEN BRITAIN - Their Part in Public Affairs, Great Britain Central of Imformation, Reference Devision, 5th Impression.

BACAAN TAMBAHAN

1. Abu Bakar Hamzah (1959) 'PENGENTAR KURSUS POLITIK ISLAM' Persama Press, Penang.

2. Eli Ginzberg et al (1966) 'LIFE STYLE OF EDUCATED WOMEN'
Columbia University Press, New York.
3. H.T Reinolda (1974) 'POLITICS AND THE COMMON MAN ; An Introduction to Political Behaviour'
The Dorsey Press.
4. Mohd. F. Suhaimi (1953) 'WANITA DAN POLITIK' Singapura.
5. Richard E. Dawson and Kenneth Prewitt (1969) 'POLITICAL SOCIALIZATION' Little Brown and Co. Boston.
6. Robert Weissberg (1974) 'POLITICAL LEARNING, POLITICAL CHOICE AND DEMOCRATIC CITIZENSHIP' Prentice-Hall, New Jersey.
7. Wendell Robert Carr (1970) 'INTRODUCTION' dalam 'THE SUBJECTION OF WOMEN' by John Stuart Mill,
The MIT Press, London.
8. Zbignien Brzezinski and Samuel P. Huntington (1965) 'POLITICAL POWER : USA-USSR' The Viking Press, New York.
9. DEWAN MASYARAKAT
 - i. Fathiyah Abd. Kadir, 'Peranan Wanita Islam : Dalam Perkembangan Masyarakat Malaysia,' Jilid 3 Bil. 8
15hb. Ogos 1965
 - ii. M. Noor Azam, 'UMNO dalam kontek Malaysia Baru!
Jilid 10 Bil. 7, 15hb. Julai 1963.
 - iii. Abu Yazid Abidin, 'Angkatan Wanita Sedar Malaysia'
Jilid 1 Bil 1, 15hb. September 1963.

TAJUK KAJIAN: PENYERTAAN WANITA DIDALAM POLITIK
DIKAWASAN TUNJANG, KEDAH.

LATARBELAKANG RESPONDEN

1. Nama:
2. Alamat: 3. Umor:
4. Berkahwin/belum:
5. Asas pelajaran yang diterima:
 - a. Sekolah pondok
 - b. Darjah empat
 - c. Darjah enam
 - d. Sekolah menengah
 - e. Lain lain
6. Harta dan tanah:
 - a. Sawah
 - i) sendirirelong/ekar
 - ii) sewarelong/ekar
 - b. Kebun
 - i) sendirirelong/ekar
 - ii) sewarelong/ekar
 - c. Lain lain hartarelong/ekar

POLITIK

7. Adakah puan menjadi ahli mana mana parti atau persatuan?
 - a. Parti/Persatuan: Ya Tidak
 - b. Sebagai:
 - Ahli biasa
 - AJ Kuasa
 - Ketua
 - Lain lain
8. Adakah puan mendapat tentangan dari suami/keluarga?
 - a. Suami:
 - i) Menentang
 - ii) Memberi galakan
 - iii) Tidak ambil tahu
 - b. Keluarga:
 - i) Menentang
 - ii) Memberi galakan
 - iii) Tidak ambil tahu

9. Siapakah yang menentukan kedudukan politik didalam keluarga?

- a. Diri sendiri
- b. Suami
- c. Keluarga

10. Pernahkah puan berbincang soal politik didalam keluarga?

- a. Pernah
- b. Tidak
- c. Jarang jarang

11. Kalau ada, tentang soal apa?

- a. Partai
- b. Pemerentahg
- c. Lain lain

12. Bagaimana perasaan puan dengan kejayaan wanita didalam politik?

- a. Gembira
- b. Benni
- c. Tidak rasa apa

13. Kalau gembira, pernahkah timbul diperasaan puan untuk menjadi seperti mereka?

- a. Ya
- b. Tidak

14. Pernahkah puan menghadiri mesyuarat partai yang diadakan?

- a. Selalu
- b. Jarang jarang
- c. Tidak pernah

15. Kalau pernah, sebagai:

- a. Pemerhati
- b. Turut berbincang
- c. Kedua a dan b
- d. Lain lain

16. Apakah pandangan puan/orang kampung terhadap wanita yang:

- a. Berkerja i) Baik
- ii) Tidak baik ...
- iii) Wanita lebih baik berada dirumah

24. Bagaimana pendapat puan dengan keadaan politik:
- Sebelum merdeka
.....
.....
 - Selepas merdeka
.....
.....
 - Masa kini
.....
.....
25. Dalam pilihanraya yang baru lalu (1974) partai apakah yang bertanding dikawasan ini?
25. Kalau ada calon wanita yang bertanding, siapakah yang puan pilih?
- Wanita
 - Lelaki
 - Tak tahu
26. Berdasarkan apakah calon yang puan pilih?
- Partai
 - Kebolihan
 - Kedua dua
 - Cantik
 - Kaya
 - Lain lain
27. Dalam pilihanraya yang lepas pernahkah puan mengundi?
- Pernah
 - Jarang jarang
 - Tidak pernah
28. Apakah peranan wanita dikawasan ini bila menghadapi pilihanraya?
- Masa berkempin
.....
.....
 - Masa berceramah
.....
.....
 - Hari penamaan calon.....
.....
.....